



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

2022

Digital Accounting And Finance



AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL

LAPORAN BERSEPADU

Penaung : **YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa**

Akauntan Negara Malaysia

Pengerusi : **Puan Zainani binti Jusoh**

Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)

Pengerusi Ganti 1: Cik Saadiah binti Yaacob

Timbalan Pengarah

Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)

Pengerusi Ganti 2: Encik Zainuddin bin Manaf

Timbalan Pengarah

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)

Ahli Jawatankuasa Teknikal:

Lailatul Fadzillah binti Ideris	(BPOPA)
Norfaezah binti Amad Bistomam	(BPPP)
Noor Shazreen binti Saleh	(BPAD)
Rohaiza binti Hosni	(BKP)
Husna binti Hela Ladin	(BWTD)
Ahmad Faizal bin Muhamed Ali	(BA MOF)
Anati Zawana binti Rahmat	(BPOPP)
Faizah binti Burhanuddin	(IPN)
Siti Khatijah binti Samsudin	(BPTM)
Rashidah binti Md Rasib	(PPPA)

Diterbitkan oleh:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Kompleks Kementerian Kewangan

No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2

62594 Putrajaya.

E-mel: korporat@anm.gov.my

Telefon: 03-8882 1000

Laporan ini diterbitkan secara tahunan.

KANDUNGAN

PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA	4
PROFIL JANM	7
• LATAR BELAKANG	8
• VISI	10
• MISI	10
• OBJEKTIF	10
• FUNGSI UTAMA	10
• NILAI BERSAMA	11
• ETIKA KERJA	11
• PIAGAM PELANGGAN	12
• DIARI 2022	13
• PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN	16
- PENSIJILAN MS ISO 9001:2015	16
- PENSIJILAN <i>INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM</i> (ISMS)	17
- PENSIJILAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)	17
- PENGIKTIRAFAN OLEH BADAN PROFESIONAL PERAKAUNAN	18
- <i>TAYLOR'S ACCOUNTANTS OF THE YEAR RECOGNITION AWARD 2022</i>	18
STRUKTUR ORGANISASI	19
• CARTA ORGANISASI	20
• FUNGSI BAHAGIAN	22
• WARGA KAMI	26
JAWATANKUASA LAPORAN BERSEPADU	27
• STRUKTUR JAWATANKUASA LAPORAN BERSEPADU (IR)	28
TADBIR URUS	31
• RANGKA KERJA TADBIR URUS	32
• KAEDAH TADBIR URUS	35
MENGENAI LAPORAN INI	37
PENCIPTAAN NILAI	39
• OBJEKTIF STRATEGIK	40
• MODAL KAMI	40
• NILAI DICIPTA	41
PENENTUAN MATERIALITI	43
• KERANGKA PROSES PENGUKURAN RISIKO	44
• STRUKTUR PELAPORAN <i>ENTERPRISE RISK MANAGEMENT</i> (ERM)	45
RISIKO	47
• RISIKO UTAMA	48
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG)	53
MATLAMAT DAN PRESTASI STRATEGIK	57
• MATLAMAT STRATEGIK	58
• PRESTASI STRATEGIK KESELURUHAN	68
MAKLUMAT KEWANGAN	71
• PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022	72
MAKLUMAT TAMBAHAN	75
• PEMANTAPAN FUNGSI JANM	76
• PEMANTAPAN SUMBER MANUSIA	79
• MEMPERKASA NILAI IHSAN DI JANM	83
• SOROTAN AKTIVITI	86
APPENDIX	93
• GLOSARI	94
• EPILOG	96
• PENGHARGAAN	100



PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izinNya, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dapat menerbitkan Laporan Tahunan Tahun 2022. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan JANM untuk edisi kali ini.

Umum mengetahui bahawa pelaporan bersepadu dipercayai mampu untuk menyampaikan maklumat tentang keupayaan sebenar organisasi dan bagaimana sumber yang telah diperuntukkan digunakan untuk mencipta nilai secara menyeluruh dan lebih telus. Justeru, JANM mengambil inisiatif untuk mengaplikasikan hasil Kajian Pembangunan Model Serta Kerangka Bagi Analisis Data Raya Dan Pelaporan Bersepadu yang telah dijalankan pada tahun 2022 dalam penyediaan Laporan Tahunan kali ini.

Selain daripada melaporkan prestasi pencapaian JANM dan aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2022, laporan yang pertama kali disediakan mengikut Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa dengan sedikit pengecualian ini bertujuan untuk menyediakan gambaran menyeluruh mengenai rangka kerja penciptaan nilai JANM dalam aspek kewangan dan bukan kewangan. Ia bertemakan "*Digital Accounting and Finance*", yang selari dengan tema Pelan Strategik JANM (BSP/ISP) 2019–2023. Tema ini bersesuaian untuk menggambarkan hala tuju pendigitalan JANM dalam pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan.

“Ia bertemakan “*Digital Accounting and Finance*”, yang selari dengan tema Pelan Strategik JANM (BSP/ISP) 2019–2023”

Tahun 2022 menyaksikan JANM terus mengekalkan momentum dan prestasi cemerlang apabila Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) (Asas Tunai) Tahun 2021 telah berjaya diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 28 Februari 2022. Penyata Kewangan ini juga telah berjaya mendapat Sijil Audit Bersih dan telah dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober 2022. PKKP Asas Akruan juga telah berjaya disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 19 Ogos 2022.

JANM terus mengorak langkah pada tahun 2022 dan berjaya mencapai 82.40% dan 84.23% masing-masing daripada sasaran BSP dan ISP dengan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi terkini melalui automasi dan digitalisasi dalam usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan bagi meningkatkan prestasi dan kecekapan operasi.

Teknologi *Robotic Process Automation* (RPA yang mula dikaji pada tahun 2021 telah dilaksanakan pada tahun 2022 dengan memberi fokus kepada pelaksanaan proses tuntutan bayaran balik Wang Tak Dituntut (WTD) bagi permohonan tuntutan dalam talian (eGUMIS). Fokus untuk mendigitalkan perkhidmatan ini akan terus diberikan perhatian dan diperluaskan kepada proses kerja lain pada masa akan datang.

Susulan dari Pelan Induk iPayment yang disediakan pada tahun 2021, sistem terimaan elektronik utama Kerajaan Persekutuan (iPayment) telah mula dibangunkan pada tahun 2022 dan dijangka siap dalam tahun 2023.

Selain daripada itu, konsep *open office* yang diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif dalam pelaksanaan *digital workspace* yang mula digerakkan sejak tahun 2021 telah mula diluaskan pelaksanaannya ke Bahagian dan JANM Negeri dan Cawangan secara berperingkat mengikut kesesuaian.

JANM juga sentiasa memastikan program pembangunan modal insan bagi seluruh warga dititikberatkan bagi melahirkan warga perkhidmatan perakaunan dan JANM yang kompeten dan kekal relevan di masa hadapan. Ini terbukti apabila 35 Akauntan telah berjaya memperoleh keahlian penuh badan profesional perakaunan pada tahun 2022 menjadikan jumlah keseluruhan 325 orang (29%)

“JANM terus mengorak langkah pada tahun 2022 dan berjaya mencapai 82.40% dan 84.23% masing-masing daripada sasaran BSP dan ISP dengan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi terkini melalui automasi dan digitalisasi dalam usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan bagi meningkatkan prestasi dan kecekapan operasi”

daripada perjawatan Akauntan JANM kini adalah ahli badan profesional perakaunan. Selain daripada itu, selari dengan hala tuju pendigitalan JANM, program pembangunan kompetensi data raya dan analisis turut diberi penekanan. Hasil daripada program ini, 41 orang warga JANM telah mendapat pengiktirafan dalam bidang *data analytics* dan sains data sepanjang tahun.

Kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa komitmen dan semangat kerjasama semua warga keluarga JANM sebagai satu pasukan dalam menggalas tanggungjawab semasa menyampaikan perkhidmatan kepada pihak berkepentingan selari dengan *tagline Excellent Accounting @ Your Service*. Pembudayaan *Integrated Thinking* di kalangan warga JANM turut menjadi pemangkin kepada kejayaan ini.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua warga dan keluarga JANM, tidak kira di mana anda berada, di atas komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Semoga JANM terus maju di masa hadapan dan akan mencapai visi untuk menjadi peneraju terbilang dalam perkhidmatan perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan sektor awam.

Sekian, terima kasih.

Digital Accounting and Finance

DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA
C.A(M), CMP(JANM), FCPA(Aust), CPFA(UK)
Akauntan Negara Malaysia





PROFIL JANM


LATAR BELAKANG

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diwujudkan dengan jawatan Akauntan Negara Malaysia (ANM) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. JANM bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road). Pejabat ini kemudiannya ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan seterusnya beroperasi di Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Kini, JANM beroperasi di Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya dan mempunyai 24 pejabat Negeri/Cawangan di seluruh Malaysia.

Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perkembangan sektor awam.


Bahagian-bahagian di JANM terdiri daripada:

1. Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)
2. Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
3. Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
4. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
5. Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
6. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
7. Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
8. Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
9. Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
10. Institut Perakaunan Negara (IPN)
11. Unit Integriti (UI)
12. Unit Undang-undang (UUU)



Akauntan Negara

Jawatan Akauntan Negara yang pertama telah disandang oleh En. G.G.T Browne dalam tahun 1946. Pada tahun 1967, kepimpinan JANM telah diambil alih oleh anak tempatan.



Nota :

a) En. Mohammad Raslan bin Abdullah memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1963.

b) En. Zainul Abidin bin Yahya telah menanggung kerja sebagai Akauntan Negara pada 1989 – 1990.



VISI

Sebagai Peneraju Terbilang dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam.

MISI

Menguatkan Pengurusan Kewangan Sektor Awam secara berhemat dengan dasar yang progresif dan sistem perakaunan yang efisien menerusi kakitangan profesional dan kolaborasi strategik.

OBJEKTIF

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan.
- Membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

FUNGSI UTAMA

01

Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan mengikut kehendak perundangan dan piawaian perakaunan yang diterima umum

02

Memberi khidmat nasihat dan perundingan perakaunan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan

03

Memastikan pematuhan dan penguatkuasaan tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang berkaitan

04

Mewujudkan sistem maklumat perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan

05

Menguruskan dana dan aliran tunai kerajaan

06

Menguruskan skim perkhidmatan perakaunan di bawah Ketua Perkhidmatan ANM

07

Menguruskan perkhidmatan perakaunan Kerajaan

08

Membangunkan modal insan dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam

09

Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965

NILAI BERSAMA



S
Mengutamakan pelanggan
(Satisfying the customers)

Komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan unggul untuk memenuhi kehendak pelanggan.

P
Profesionalisme
(Professionalism)

Kebolehan untuk mempamerkan kualiti dan kompetensi.

EC
Kerja Berpasukan
(Esprit de Corp)

Bekerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan (*sense of belonging*) untuk mencapai visi dan misi.

IA
Integriti dan Akauntabiliti
(Integrity and Accountability)

Beretika tinggi dalam melaksanakan tugas.

L
Kesetiaan
(Loyalty)

Setia kepada jabatan, kerajaan dan negara.

ETIKA KERJA

S : Mengutamakan pelanggan *(Satisfying the customers)*

1. Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan berintegriti kepada semua pelanggan dan pihak berkepentingan.
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan secara berterusan mengikut keperluan.
3. Meningkatkan kompetensi diri agar perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

P : Profesionalisme *(Professionalism)*

1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
2. Mempamerkan semangat kerja yang tinggi.
3. Meningkatkan prestasi kerja untuk mencapai kualiti yang berterusan.
4. Peka terhadap perkembangan, kemajuan dan perubahan dalam teknologi dan profesion perakaunan.
5. Mempamerkan nilai dan tingkah laku yang berkualiti dan kompeten.
6. Bersopan santun, berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam segala urusan.
7. Berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana.

EC : Kerja Berpasukan *(Esprit de Corp)*

1. Bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah.
2. Mempunyai sikap saling bantu membantu dalam usaha mencapai keberhasilan jabatan.
3. Berkongsi maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan.
4. Menghargai sumbangan idea daripada anggota organisasi.
5. Saling hormat menghormati dan mengeratkan silaturahim.

IA : Integriti dan Akauntabiliti *(Integrity and Accountability)*

1. Mengamalkan sikap amanah, tulus, ikhlas, berpegang kepada prinsip dan boleh dipercayai.
2. Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut peraturan yang ditetapkan.
3. Bertanggungjawab ke atas semua tindakan dan keputusan yang diambil.
4. Berfikiran positif dan sedia memberi dan menerima cadangan serta maklum balas yang tepat dan benar.

L : Kesetiaan *(Loyalty)*

1. Menunjukkan kesetiaan kepada jabatan, kerajaan dan negara.
2. Menjaga nama baik dan imej jabatan serta profesion perakaunan.
3. Memahami, menghayati dan mematuhi Nilai Bersama jabatan.

PIAGAM PELANGGAN

1

Menyerahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) yang tepat dan lengkap berasaskan undang-undang, piawaian dan dasar perakaunan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh akhir tahun kewangan.

2

Melaksanakan pembayaran wang tak dituntut/sekuriti tak dituntut dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3

Memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh tiga (3) hari kalendar dari tarikh arahan pembayaran diluluskan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ).

4

Memastikan:

- Pembayaran emolumen dibuat mengikut tarikh/jadual hari pembayaran gaji tahunan yang ditetapkan.
- Maklumat Penyata Gaji Bulanan dikeluarkan pada tarikh gaji.
- Maklumat Penyata Pendapatan Tahunan diproses dan dikeluarkan pada bulan Mac tahun berikutnya.

5

Memperakukan permohonan sistem perakaunan dan kewangan sektor awam dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh permohonan yang lengkap.

6

Memastikan terimaan diperakaunkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam AP78(a).

7

Mengeluarkan keputusan permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit dan penyelesaian syarikat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh terima permohonan lengkap.

8

Memberi maklum balas kepada pertanyaan berkaitan prosedur kewangan dan perakaunan dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh pertanyaan diterima.

10

Mengeluarkan Penyata Kewangan Kementerian Kewangan pada bulan berikutnya.

9

Mengeluarkan laporan audit dalam tempoh 21 hari dari tarikh Mesyuarat Penutup.

11

Memastikan pemberitahuan akuan terima bagi aduan dan pertanyaan dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) hari bagi sistem berikut:

- iGFMAS *ServicesDesk*
- Helpdesk* Akruan
- Helpdesk* iSPEKS
- Helpdesk* iSPLN
- SISPAA

12

Memastikan penyampaian kursus yang berkualiti dan skor penilaian kursus yang dijalankan ≥ 6.00 .

DIARI 2022

Januari

Majlis Amanat Akauntan Negara Malaysia
Sempena Tahun Baharu 2022

13



Majlis Bacaan Yasin Perdana Dan
Pelancaran Nama Surau JANM

21



Februari

Sesi Tandatangani Penyata Kewangan
Kerajaan Persekutuan (PKKP) Tahun 2021
Oleh Akauntan Negara Malaysia (ANM)

23



Sesi Tandatangani Penyata Kewangan
Kerajaan Persekutuan (PKKP) Tahun 2021
Oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP)

24



Sesi Penyerahan Penyata Kewangan
Kerajaan Persekutuan (PKKP) Tahun 2021
Kepada Jabatan Audit Negara

28



Mac

Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

29



Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan (AAK) JANM Tahun 2021

30



April

Program Ihya' Ramadan

22



Mei

Lawatan Malaysian Institute Of Accountants (MIA)

10



Jun

Lawatan Delegasi United Nations Development Programme (UNDP)

1



Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan (National Public Sector Accountants Conference - NAPSAC) Kali Ke-30

18-19



Lawatan Delegasi Maldives

15



Pelancaran Gimnasium JANM

20



Majlis Persaraan JANM Tahun 2022

30



Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke-14

22-24



Julai

Lawatan Penandaarasan EKSA Jabatan Peguam Negara (AGC) **28**



Ogos

Kunjungan Hormat Duta Besar Malaysia Ke Republik Islam Iran **22**



September

Lawatan Universiti Teknologi MARA (UiTM) **15**



Oktober

Lawatan CUEPACS **19**



November

Lawatan Jabatan Bendahari Sabah **8**



Majlis Sambutan Hari Inovasi Dan Integriti JANM 2022 **27**



Kunjungan Hormat Daripada Pejabat Akauntan Negara Persekutuan Nigeria **25**



Disember

Kunjungan Hormat Daripada Chartered Institute Of Public Finance And Accountancy (CIPFA) **8**



PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

PENSIJILAN MS ISO 9001:2015



PENSIJILAN INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS)



Information Security Management System (ISMS) mula dilaksanakan pada tahun 2020 dengan skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Pengoperasian dan Penyelenggaraan Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Bersepadu Kerajaan Persekutuan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Objektif utama pensijilan ISMS adalah untuk memastikan pematuhan kepada piawaian ISO/IEC 27001:2013 dalam mengurus dan melindungi keselamatan maklumat selaras dengan keperluan JANM dan ekspektasi pihak berkepentingan.

JANM telah berjaya mendapat pensijilan ISMS daripada pihak SIRIM pada 24 Jun 2020 (MY-ISMS-00356) bagi tempoh tiga (3) tahun sehingga 24 Jun 2023.

Pada tahun 2022, audit pemantauan tahun kedua dijalankan oleh pihak SIRIM bagi memastikan piawaian ISO/IEC 27001:2013 dilaksanakan secara berterusan.

PENSIJILAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

JANM telah memperolehi Pensijilan Semula EKSA daripada MAMPU bagi tahun 2022 hingga 2024.

Pelaksanaan EKSA di JANM adalah selaras dengan kepentingan amalan persekitaran yang berkualiti dan kondusif di kalangan warga JANM



Contoh Amalan EKSA




PENGIKTIRAFAN OLEH BADAN PROFESIONAL PERAKAUNAN

JANM telah memperolehi pengiktirafan oleh badan profesional perakaunan daripada:



TAYLOR'S ACCOUNTANTS OF THE YEAR RECOGNITION AWARD 2022

Taylor's College telah menganugerahkan *Taylor's Accountants of The Year Recognition Award 2022* kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atas sumbangan dan impak yang signifikan dalam memperkasakan profesion perakaunan di Malaysia. Anugerah tersebut telah disampaikan kepada wakil JANM bersempena *Taylor's International Accounting Day Festival 2022* pada 10 November 2022.



STRUKTUR ORGANISASI



CARTA ORGANISASI



TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (OPERASI)
En. Mohd Redzuan bin Hasan
(Bersara pada 2 Mei 2022)



PENGARAH BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT & AGENSI
Pn. Sarimah binti Husain



PENGARAH BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN
Pn. Zainani binti Jusoh



PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN
En. Mohd Azraai bin Md Aznan



PENGARAH PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN
Pn. Nor Yati binti Ahmad



PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT
Pn. Kalthom binti Salim

24 PEJABAT JANM NEGERI/CAWANGAN



PENGARAH JANM NEGERI PERLIS
Datin Salwani binti Rahmat




PENGARAH JANM NEGERI KEDAH
En. Mohd Amran bin Abd Ghani



PENGARAH JANM NEGERI PULAU PINANG
Pn. Maziah binti Musa



PENGARAH JANM NEGERI SELANGOR
Pn. Ruzinah binti Rukun




PENGARAH JANM NEGERI PERAK
Pn. Noorakmar binti Hussin




PENGARAH JANM NEGERI PAHANG
En. Burhanudin bin Mohd Noor




PENGARAH JANM NEGERI TERENGGANU
En. Mazlan bin Muda




PENGARAH JANM CAWANGAN SRI AMAN
En. Thomas Anak Wilson Kudang




PENGARAH JANM CAWANGAN SIBU
En. Yeoh Hong Choon @ Asyhruff




PENGARAH JANM CAWANGAN MIRI
En. Maurice Takap



PENGARAH JANM CAWANGAN LIMBANG
En. Muhaimin bin Mohd Mokhtar



PENGARAH JANM CAWANGAN SARIKEI
Pn. Julia anak Japok



PENGARAH JANM CAWANGAN KAPIT
En. Nicholas Bujang



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon



AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa



TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (KORPORAT)
Tn. Haji Rozaimi bin Idris



PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PERAKAUNAN &
PENGURUSAN
Tn. Haji Zaharin bin Othman



PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT
Pn. Hanita binti Bunjari



PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT
PERUNDING
En. Muniandy a/l Govindasamy
(Bersara pada 20 April 2022)



PENGARAH
INSTITUT PERAKAUNAN
NEGARA
Pn. Hawariah binti Idris



PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN
AUDIT DALAM
Pn. Noorlida binti Mohd Khalid



PENGARAH
JANM NEGERI SARAWAK
Pn. Gloria Angela James
Noah



PENGARAH
JANM NEGERI SABAH
En. Rosdi bin Abu



PENGARAH
JANM NEGERI
KELANTAN
En. Mohd Zulkifli bin Zahar



PENGARAH
JANM NEGERI JOHOR
Pn. Masayu binti
Mustafa



PENGARAH
JANM NEGERI
SEMBILAN
Pn. Rosnani binti
Mohamad @ Ahmad



PENGARAH
JANM NEGERI MELAKA
Pn. Shabibah binti
Bachok

PENGARAH JANM
CAWANGAN BINTULU
En. Azrul bin Zainal

PENGARAH JANM
CAWANGAN LABUAN
Pn. Nik Arifah binti Abdul
Ghafar

PENGARAH JANM
CAWANGAN SANDAKAN
Pn. Masniah binti
Laganing

PENGARAH JANM
CAWANGAN TAWAU
En. Nizam bin Limun

PENGARAH JANM
CAWANGAN KENINGAU
Pn. Mirnawati binti
Syaripuddin

FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> 1. Menggubal dasar dan polisi Jabatan selaras dengan visi dan misi Jabatan. 2. Merancang dan menyediakan keperluan sumber manusia serta pembangunan kerjaya pegawai perkhidmatan perakaunan dan anggota perkhidmatan di bawah Jabatan. 3. Merancang pembangunan, pelaksanaan dan memberi khidmat nasihat berkaitan piawaian perakaunan. 4. Menguruskan permohonan baharu dan pembaharuan kelulusan juruaudit dan | <ul style="list-style-type: none"> 5. Melaksanakan urusan pentadbiran, aset dan pengurusan am jabatan. 6. Menguruskan hal-hal berkaitan dengan Akta Akauntan 1967 [Akta 94] serta peraturan yang memerlukan kelulusan Menteri Kewangan. 7. Menguruskan hal ehwal korporat Jabatan. 8. Merancang keperluan bajet, perolehan dan kewangan jabatan. |
|---|--|

Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan mengikut polisi dan piawaian perakaunan serta undang-undang yang berkuat kuasa. 2. Mengurus aliran tunai, panjar dan pentadbiran perbankan Kerajaan Persekutuan. 3. Memantau peruntukan dan perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang diluluskan oleh Parlimen. 4. Mengurus pembayaran dan pendahuluan yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan kepada Kerajaan Negeri dan Agensi. | <ul style="list-style-type: none"> 5. Mengurus perakaunan aset dan inventori Kerajaan Persekutuan. 6. Mengurus perakaunan akaun amanah dan deposit. 7. Mengurus perakaunan aset kewangan, pelaburan dan liabiliti Kerajaan Persekutuan. 8. Memberi khidmat nasihat mengenai perkara berkaitan dengan operasi perakaunan Kerajaan Persekutuan. |
|---|---|

Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTDT)

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> 1. Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370]. 2. Menguruskan Serahan dan Tuntutan Bayaran Balik WTD. | <ul style="list-style-type: none"> 3. Mengurus Sekuriti-sekuriti Tak Dituntut. 4. Menyelaras program perundingan berkaitan pengurusan Wang Tak Dituntut dan Sekuriti Tak Dituntut. |
|--|--|

Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ● 1. Mengkaji, menggubal dan mengemas kini Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) dan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK). ● 2. Mengkaji, menggubal dan menetapkan polisi perakaunan akruan sektor awam serta kajian ke atas peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. ● 3. Memberikan khidmat nasihat teknikal berkaitan perakaunan akruan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. ● 4. Merancang, membangun dan melaksanakan program latihan perakaunan akruan. ● 5. Membuat kajian keperluan pengguna ke atas pembangunan sistem perakaunan selaras | <ul style="list-style-type: none"> ● 6. Membuat kajian isu operasi perakaunan semasa. ● 7. Memantau dan menyelaras penyediaan semakan serta pengemaskinian dokumen perakaunan akruan seperti Arahan Perbendaharaan (AP), Manual Prosedur Kerja (MPK), Manual Pengguna (MP), Manual Perakaunan Akruan (MPA) dan Manual Operasi Perakaunan Akruan (MOPA). ● 8. Memantau pelaksanaan perakaunan akruan mengikut empat strategi iaitu polisi dan piawaian, sumber manusia, undang-undang dan peraturan serta proses dan teknologi. ● 9. Melaksanakan pengurusan perubahan kepada pihak berkepentingan bagi pelan perakaunan pengurusan. |
|---|---|

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ● 1. Menyelaras dan menyeragam pelaksanaan operasi perakaunan/kewangan di Pejabat Perakaunan (Bahagian Akaun Kementerian dan JANM Negeri/Cawangan) serta pematuhan dasar, peraturan dan prosedur kewangan yang berkuat kuasa. ● 2. Menetapkan dan memantau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pejabat Perakaunan. | <ul style="list-style-type: none"> ● 3. Melaksana inspektorat ke atas JANM Negeri/Cawangan dan memastikan penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan analisis penemuan. ● 4. Memantau pelaksanaan naziran dan menyelaras Laporan Prestasi Naziran Pejabat Perakaunan. ● 5. Mengurus dan menyelaras pengurusan pentadbiran, kewangan dan pengurusan belanjawan Bahagian dan JANM Negeri/Cawangan. |
|---|--|

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ● 1. Menjalankan kajian, pembangunan, pengujian, pelaksanaan dan penyelenggaraan sistem perakaunan dan sokongan yang berkaitan. ● 2. Menjalankan operasi sistem, pentadbiran sistem dan pentadbiran pangkalan data | <ul style="list-style-type: none"> ● 3. Mengurus dan memberi khidmat sokongan bagi infrastruktur, rangkaian komunikasi dan keselamatan ICT JANM. |
|---|---|

Bahagian Khidmat Perunding (BKP)

1. Memberi perkhidmatan perundingan dan kelulusan dalam pembangunan sistem kewangan dan perakaunan kepada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Agama Islam Negeri.
2. Memberi perkhidmatan perundingan, pembangunan, penyelenggaraan dan sokongan teknikal sistem kewangan dan perakaunan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Agama Islam Negeri.
3. Menetapkan peraturan dan prosedur perakaunan dan kewangan serta perkhidmatan perundingan untuk Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Agama Islam Negeri.
4. Memberi perkhidmatan pentadbiran dan kewangan kepada Bahagian.

Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)

1. Memastikan terimaan dan bayaran Kerajaan Persekutuan diperakaunkan dengan betul mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
2. Menjalankan pengauditan untuk memastikan pematuhan dan kawalan dalaman ke atas pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah mencukupi dan berkesan.
3. Menjalankan audit penyiasatan khas (forensik) mengikut arahan Kementerian Kewangan Malaysia.
4. Memastikan Akaun Belum Terima dilaporkan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
5. Menjalankan Pengauditan Khas ke atas Syarikat Milik Kerajaan atas arahan Kementerian Kewangan Malaysia.
6. Menjalankan Verifikasi Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun (LPPKA) bagi kenaikan pangkat Ketua Jabatan Gred Utama JUSA C dan ke atas.
7. Memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan kewangan dan perakaunan.

Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)

1. Mengurus dan mengakaunkan terimaan dan bayaran, termasuk bayaran gaji, menyediakan pelaporan perakaunan dan Penyata Kewangan Kementerian Kewangan.
2. Menyemak dan memantau Dokumen Akaun Terimaan (DAT) di semua Pejabat Pemungut di bawah Kementerian Kewangan.
3. Melaksanakan naziran bagi memantau pengurusan kewangan dan perakaunan di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah BA MOF.
4. Melaksanakan Perakaunan Pengurusan untuk Kementerian Kewangan dan memastikan pelaksanaan Perakaunan Pengurusan di semua Kementerian.
5. Memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan perakaunan dan kewangan.
6. Merancang dan melaksanakan program latihan perakaunan dan kewangan bagi PTJ Kementerian Kewangan.
7. Menguruskan hal-hal berkaitan perkhidmatan, kewangan, perolehan dan pentadbiran Bahagian.
8. Menyemak dan meluluskan permohonan pelupusan dokumen kewangan.
9. Memantau pelaksanaan *Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)* di semua agensi di bawah Kementerian Kewangan.

Institut Perakaunan Negara (IPN)

1. Merangka dan melaksanakan latihan yang bersepadu, komprehensif dan berstruktur bagi penjawat awam.
2. Mempertingkatkan kompetensi tenaga pengajar.
3. Pengurusan Bangunan Persekitaran, Kenderaan, Kemudahan Sukan dan Rekreasi serta Peralatan.
4. Menjadi Pusat Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam.
5. Hub Latihan Profesional dengan kerjasama badan-badan profesional/ Institut Pengajian Tinggi (IPT)/ Agensi Lain.

Unit Integriti

1. Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
2. Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
3. Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
4. Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.
5. Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
6. Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
7. Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

Unit Undang-Undang

1. Memberi nasihat/pandangan mengenai perkara undang-undang yang melibatkan Jabatan.
2. Menggubal dan menyemak perundangan utama dan perundangan subsidiari di bawah bidang kuasa Jabatan.
3. Menyemak perjanjian/kontrak yang melibatkan Jabatan dengan pihak lain.



WARGA KAMI

PERKHIDMATAN PERAKAUNAN

Jumlah : **9,862**



Akauntan

1,102

Penolong Akauntan*
*termasuk 5,265 perjawatan KUP


7,456

Pembantu Akauntan

1,304

GUNASAMA

Jumlah : **708**



Bahagian

Pengurusan &
Profesional

74

Pelaksana

264

Negeri &
Cawangan

Pelaksana

370

Sebagai Ketua Perkhidmatan, Akauntan Negara Malaysia (ANM) adalah bertanggungjawab bagi perkhidmatan Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan serta dipertanggungjawabkan untuk melaksana empat (4) fungsi utama seperti berikut:

- perancangan keperluan sumber manusia, pengurusan perjawatan dan penambahbaikan skim perkhidmatan;
- pengendalian urusan personel dan perkhidmatan;
- perancangan dan pelaksanaan pelan latihan; dan
- perancangan dan pelaksanaan program kemajuan kerjaya.

Secara keseluruhan, bilangan perjawatan bagi skim perkhidmatan perakaunan terdiri daripada 9,862

perjawatan yang merangkumi 1,102 Akauntan, 7,456 Penolong Akauntan (termasuk 5,265 perjawatan KUP) dan 1,304 Pembantu Akauntan yang ditempatkan di seluruh Kementerian, Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Pusat Tanggungjawab serta agensi Kerajaan dengan pemantauannya di bawah Akauntan Negara Malaysia selaku Ketua Perkhidmatan.


Selain daripada itu, dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan di Ibu Pejabat dan JANM Negeri serta Cawangan seluruh negara, JANM yang terdiri daripada perjawatan perkhidmatan perakaunan seramai 1,697 dan turut disokong dan diimbangi oleh 708 perjawatan skim guna sama pelbagai gred yang sentiasa menyokong aspirasi JANM dalam mencapai objektif, misi dan visi Jabatan.





JAWATANKUASA LAPORAN BERSEPADU

STRUKTUR JAWATANKUASA LAPORAN BERSEPADU



Jawatankuasa Pemandu

- Menentukan hala tuju dan strategi pelaksanaan projek
- Memantau status pelaksanaan projek secara menyeluruh
- Menentukan dasar berkaitan dengan pelaksanaan IR
- Mengesah dan meluluskan cadangan pelaksanaan projek
- Memberi penyelesaian kepada isu-isu semasa pelaksanaan projek
- Meluluskan Pelaporan Bersepadu JANM yang diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa Teknikal

- Mencadangkan isi kandungan laporan yang berteraskan elemen IR
- Menyediakan rujukan di dalam pelaksanaan projek IR
- Membincang dan mencadangkan kaedah pelaporan yang bersesuaian beserta kebolehlaksanaannya
- Menyemak dan memastikan laporan disediakan adalah memenuhi keperluan yang ditetapkan serta memperakukan kepada Jawatankuasa Pemandu IR untuk kelulusan
- Mengkaji isu-isu yang timbul dan memperakukan cadangan penyelesaian kepada Jawatankuasa Pemandu IR
- Melaporkan status kemajuan projek kepada Jawatankuasa Pemandu IR

Sekretariat

- Terdiri daripada pegawai dari Seksyen Perakaunan Pengurusan (SPP), BA MOF dan Seksyen Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan Strategik (SPPS), BPPP serta seorang pegawai dari setiap Bahagian di JANM yang bertanggungjawab dalam pengendalian fungsi utama dan penyediaan laporan aktiviti tahunan bagi setiap Bahagian.

Tanggungjawab Sekretariat:

- Mengurus dan melaksanakan projek mengikut skop yang ditetapkan
- Memantau, menyelaras dan mengawal selia perjalanan projek dari aspek penyempurnaan skop kerja
- Mengurus dan melaksanakan projek mengikut garis masa yang ditetapkan
- Menyemak isi kandungan dan kualiti laporan yang disediakan
- Menyunting dan menyemak laporan bersesuaian dengan penggunaan tatabahasa dengan baik dan penggunaan tanda Bahasa dengan tepat dan betul
- Menyeragamkan gaya penulisan keseluruhan laporan

JAWATANKUASA PEMANDU



JAWATANKUASA TEKNIKAL








TADBIR URUS

RANGKA KERJA TADBIR URUS

JANM mengguna pakai Kerangka Tadbir Urus GO-CELPHA (*Good Governance, Component and Phases*) yang telah dibangunkan oleh INTAN. Kerangka tadbir urus ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu elemen tadbir urus yang baik, komponen tadbir urus dan fasa implementasi tadbir urus (Ramadass, S.D., Dalayga, B., Mohd Zaki, E.W. & Rasidoun, S.N. 2021) .



Kerangka Tadbir Urus GO-CELPHA
Sumber: Ramadass, S.D., et al., (2021)

Gambaran tadbir urus di JANM meliputi pihak berkepentingan (*stakeholder*) rangkaian perintah (*chain of command*) dan jawatankuasa penting yang diwujudkan di peringkat jabatan bagi membantu proses pembuatan keputusan. Ini bagi memastikan tanggungjawab dapat dilaksanakan secara telus, berakauntabiliti dan berhemat serta menjamin kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Tadbir urus JANM mempraktikkan lapan (8) elemen tadbir urus yang baik seperti yang dinyatakan dalam Kerangka Tadbir Urus GO-CELPHA iaitu keterlibatan, kecekapan dan keberkesanan, kesaksamaan dan keterangkuman, peraturan perundangan, persetujuan bersama, akauntabiliti, responsif dan ketelusan.

8 elemen tadbir urus yang baik

- keterlibatan
- kecekapan dan keberkesanan
- kesaksamaan dan keterangkuman
- peraturan perundangan
- persetujuan bersama
- akauntabiliti
- responsif dan ketelusan



Tadbir Urus di JANM

Pengurusan Tertinggi MOF

Pengurusan Tertinggi MOF merupakan pihak yang mempunyai kepentingan dan kawalan terhadap perkhidmatan JANM. Arahan serta kawalan Pengurusan MOF boleh memberi kesan kepada perkhidmatan JANM.

Pengurusan JANM


Pengurusan JANM merangkumi – Akauntan Negara Malaysia, Timbalan Akauntan Negara, Pengarah Bahagian serta Pengarah JANM Negeri dan Cawangan. Pengurusan JANM bertanggungjawab dalam memastikan proses pembuatan keputusan adalah berakauntabiliti, telus dan dilaksanakan dengan berhemat. Justeru, beberapa jawatankuasa penting diwujudkan di peringkat Ibu Pejabat dan di peringkat negeri/cawangan bagi memastikan proses pembuatan keputusan adalah berakauntabiliti. Jawatankuasa yang diwujudkan juga mematuhi perundangan dan peraturan sektor awam (Akta, Pekeliling, Surat Pekeliling, Arahan dan lain-lain).

Pelanggan

Pelanggan JANM terdiri daripada pelanggan dalaman dan luaran yang menerima perkhidmatan oleh Jabatan. Bagi memastikan tuntutan pelanggan boleh dipenuhi secara cekap dan berkesan, Jabatan mengambil tindakan berikut:

1. Menyediakan sistem pengurusan aduan dan pertanyaan di portal untuk membolehkan pelanggan menyalurkan maklum balas berkaitan perkhidmatan JANM
2. Memaparkan alamat e-mel dan talian utama Jabatan untuk memudahkan pelanggan menghubungi Jabatan
3. Mewujudkan akaun media sosial sebagai saluran penyampaian maklumat terkini kepada pelanggan
4. Menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan pada setiap tahun (pelanggan luaran) bagi menilai tahap penyampaian perkhidmatan Jabatan
5. Menjalankan Kajian Kepuasan Bekerja pada setiap tahun (pelanggan dalaman)
6. Mengadakan sesi libat urus dengan pelanggan dalam pindaan akta, pembuatan dasar, polisi, sistem, prosedur dan proses kerja

Jawatankuasa dan Mesyuarat Utama di Peringkat Jabatan



Jawatankuasa dan Mesyuarat Utama di Peringkat Jabatan

KAEDAH TADBIR URUS

JANM sentiasa menambah baik kaedah dan proses kerja serta meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan dalam formulasi polisi dan penyampaian perkhidmatan JANM.



Kaedah Tadbir Urus





MENGENAI LAPORAN INI

MENGENAI LAPORAN INI

Dalam memastikan kelestarian penyampaian perkhidmatan sektor awam untuk memenuhi keperluan rakyat yang pelbagai dan semakin meningkat, pembuat keputusan perlu mengetahui tentang bagaimana pencapaian mereka dalam menggunakan sumber untuk penciptaan nilai dalam jangka pendek, sederhana dan panjang. Oleh itu, maklumat perakaunan pengurusan perlu berinterpretasi dengan maklumat lain bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh. Ia adalah penting dalam persekitaran sektor awam kerana sebahagian data terutama pencapaian prestasi perkhidmatan tidak dapat diukur dalam bentuk numerikal dan objektif utamanya bukanlah untuk memaksimumkan keuntungan. Dalam mengatasi isu ini, pelaporan bersepadu dipercayai mampu untuk menyampaikan maklumat tentang keupayaan sebenar sektor awam dan bagaimana sumber yang telah diperuntukkan digunakan untuk mencipta nilai secara menyeluruh dan lebih jelas.

Bagi merealisasikan hasrat ini, JANM telah menjalankan Kajian Pembangunan Model Serta Kerangka Bagi Analisis Data Raya Dan Pelaporan Bersepadu Di Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada tahun 2022. Kajian ini merupakan kesinambungan kepada pelaksanaan Perakaunan Akruan, *Outcome Based Budgeting (OBB)* dan Perakaunan Pengurusan dalam proses mentransformasi Pengurusan Kewangan Awam (*Public Finance Reform*) yang merupakan tunjang kepada perkembangan ekonomi negara.

Susulan daripada kajian ini, kami mengambil inisiatif untuk menyediakan Laporan Tahunan JANM Tahun 2022 yang mengandungi elemen pelaporan bersepadu yang bertujuan untuk menyediakan gambaran menyeluruh mengenai rangka kerja penciptaan nilai JANM dalam aspek kewangan dan bukan kewangan. Sepanjang proses ini, kami telah diberi pendedahan tentang pemikiran bersepadu, penciptaan nilai, *business model* dan impak yang telah disepadukan ke dalam strategi kami. Kami akan membuat penambahbaikan berterusan ke arah peralihan daripada pelaporan tradisional kepada pelaporan bersepadu.

Laporan ini adalah Laporan Bersepadu JANM yang pertama disediakan mengikut Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa yang mengandungi 13 elemen dengan mengambil kira peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan memenuhi keperluan maklumat pihak berkepentingan utama. Dalam laporan ini, Penyata Prestasi Bajet JANM 2022 disediakan bagi menggantikan elemen Penyata Kewangan Beraudit.

JANM mewujudkan tadbir urus untuk memperaku dan meluluskan penerbitan laporan ini. Selain itu, Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan jaminan risiko serta meluluskan kerangka kerja pelaporan yang digunakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

“Sepanjang proses ini, kami telah diberi pendedahan tentang pemikiran bersepadu, penciptaan nilai, *business model* dan impak yang telah disepadukan ke dalam strategi kami”

“Laporan ini adalah Laporan Bersepadu JANM yang pertama disediakan mengikut Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa yang mengandungi 13 elemen dengan mengambil kira peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan memenuhi keperluan maklumat pihak berkepentingan utama”



PENCIPTAAN NILAI

OBJEKTIF STRATEGIK

OBJEKTIF STRATEGIK : *Digital Accounting and Finance*



MODAL KAMI

SH SOSIAL DAN HUBUNGAN

- Badan Profesional Perakaunan
- Universiti Awam
- Syarikat Awam & Swasta
- Warga & Pelanggan JANM
- Orang Awam

S SEMULAJADI

- Teknologi Hijau : Penggunaan Kertas, Masa dan Tenaga

P PEMBUATAN

- Seminar Automasi Proses Robotik (RPA, BDA, AI & Blockchain)
- *Digital Workspace*
- Sistem Repositori Arkitektur
- Pelan Induk *Enterprise Architecture* (EA)
- Platform Pembelajaran Digital JANM

K KEWANGAN

Kos:


- Sistem, Portal & Platform
- Komputer Riba
- Pengurusan Program/ Kursus & Penyelidikan
- Penyediaan Pelan
- Projek

MI MODAL INSAN

- Pengurusan Tertinggi JANM
- Pegawai JANM
- *Champion, Subject Matter Expert (SME)*
- Modul Latihan Digital

I INTELEKTUAL

- Portal eGUMIS
- Platform iPayment
- Portal Perakaunan Akruan
- Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut (SPWTD)
- Pelan Induk *Digital Workspace*
- Pelan Pengurusan Risiko JANM
- Tenaga Pengajar
- Polisi Keselamatan Siber (PKS)
- Pelan Pelaksanaan RMK-12



NILAI DICIPTA

- Kewangan
- Pembuatan
- Modal Insan
- Semulajadi
- Intelektual
- Sosial dan Hubungan

<div style="border: 1px solid blue; border-radius: 50%; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> BST 1 </div>	OUTPUT UTAMA : Portal Perakaunan Akruan	<div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg); font-weight: bold; font-size: 10px;">NILAI DICIPTA</div> <ol style="list-style-type: none"> 1. Portal Perakaunan Akruan ini adalah merupakan salah satu platform digital bagi pengurusan pengetahuan untuk kakitangan dan perunding serta bagi melahirkan pegawai perakaunan yang cekap, cakna digital dan menjadi <i>subject matter expert</i> dalam perkara yang berkaitan dengan Pengurusan Perakaunan Kewangan & Perakaunan Pengurusan Sektor Awam berdasarkan Asas Akruan. Justeru, dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kompetensi pegawai dalam penyampaian khidmat nasihat yang lebih berkualiti. 2. Portal Perakaunan Akruan ini menjadi pusat rujukan yang komprehensif merangkumi semua aspek pelaksanaan perakaunan akruan dan boleh diakses kepada pengguna dalaman dan luaran organisasi. Ini merupakan inisiatif JANM sebagai peneraju dalam pelaksanaan perakaunan akruan melalui khidmat nasihat dan rujukan yang komprehensif secara digital. 	<div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg); font-weight: bold; font-size: 10px;">DIKAITKAN DENGAN</div> <div style="display: flex; justify-content: center; gap: 10px; margin-top: 10px;"> I K </div>
<div style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> BST 2 </div>	OUTPUT UTAMA : Enterprise Architecture (EA) JANM	<div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg); font-weight: bold; font-size: 10px;">NILAI DICIPTA</div> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penambahbaikan proses kerja dalam penyampaian perkhidmatan 2. Meningkatkan keupayaan JANM menyelaraskan strategi dan persekitaran aktiviti teras serta daya saing 3. Meningkatkan kemahiran modal insan secara berterusan selaras dengan keperluan amalan EA serta trend pasaran sebagai akauntan serba boleh 4. Memacu kerelevanan masa depan profesion perakaunan dengan memiliki pengetahuan yang tinggi dan berkemahiran khusus dalam amalan EA untuk melaksanakan tugas 5. Jalinan kerjasama dan membina hubungan baik dengan jabatan dan industri bagi perkongsian kepakaran, kemahiran dan pengalaman amalan EA 	<div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg); font-weight: bold; font-size: 10px;">DIKAITKAN DENGAN</div> <div style="display: flex; flex-direction: column; align-items: center; gap: 10px; margin-top: 10px;"> <div style="display: flex; gap: 10px;"> I P </div> <div style="display: flex; gap: 10px;"> K SH </div> <div style="background-color: red; border-radius: 50%; width: 25px; height: 25px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; font-weight: bold; font-size: 12px;">MI</div> </div>
<div style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> BST 2 </div>	OUTPUT UTAMA : Kemudahan Platform iPayment	<div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg); font-weight: bold; font-size: 10px;">NILAI DICIPTA</div> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghasilkan sistem terimaan elektronik bersepadu sektor awam yang boleh digunakan oleh semua pihak berkepentingan 2. Mempelbagaikan kaedah dan saluran terimaan dengan menghasilkan sistem terimaan ke arah komuniti tanpa tunai (<i>Cashless Society</i>) 3. Menjimatkan kos, masa serta meningkatkan mutu penyampaian kerajaan melalui integrasi dengan iGFMAS bagi mengurangkan kesilapan dan <i>manual intervention</i> 	<div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg); font-weight: bold; font-size: 10px;">DIKAITKAN DENGAN</div> <div style="display: flex; flex-direction: column; align-items: center; gap: 10px; margin-top: 10px;"> <div style="display: flex; gap: 10px;"> I SH </div> <div style="display: flex; gap: 10px;"> K S </div> <div style="background-color: red; border-radius: 50%; width: 25px; height: 25px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; font-weight: bold; font-size: 12px;">MI</div> </div>
<div style="border: 1px solid blue; border-radius: 50%; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> BST 3 </div>	OUTPUT UTAMA : Portal eGUMIS	<div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg); font-weight: bold; font-size: 10px;">NILAI DICIPTA</div> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan sistem serahan, semakan dan permohonan wang tak dituntut dalam talian untuk semua pihak berkepentingan - <i>electronic Government Unclaimed Money Information System (eGUMIS)</i> 	<div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg); font-weight: bold; font-size: 10px;">DIKAITKAN DENGAN</div> <div style="display: flex; flex-direction: column; align-items: center; gap: 10px; margin-top: 10px;"> <div style="display: flex; gap: 10px;"> I K </div> <div style="background-color: green; border-radius: 50%; width: 25px; height: 25px; display: flex; align-items: center; justify-content: center; font-weight: bold; font-size: 12px;">SH</div> </div>



BST 3

OUTPUT UTAMA : Polisi Keselamatan Siber (PKS)

NILAI DICIPTA

1. Mengakses sistem dan *tools* yang diperlukan dari mana-mana peranti seperti telefon pintar, tablet, komputer riba, atau *desktop* tanpa mengira lokasi
2. Penjimatan dari segi penggunaan kertas, masa dan tenaga di mana PKS ini telah diisi dan ditandatangani oleh semua warga JANM secara

online pada suku ketiga tahun 2022. Ini kerana sebelum ini Dasar Keselamatan ICT ini diisi dan ditandatangani secara manual

3. Memberi nilai tambah dalam tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan ICT kerana memberikan persekitaran yang kondusif dan lebih selamat

DIKAITKAN DENGAN



BST 3

OUTPUT UTAMA : Robotic Process Automation (RPA)

NILAI DICIPTA

1. Memperluaskan pelaksanaan RPA, meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan JANM
2. Memperhebatkan kumpulan bakat dalaman JANM melalui latihan dan pensijilan RPA
3. Mewujudkan pelan strategik yang komprehensif bagi memastikan pelaksanaan RPA bergerak seiring dengan visi dan misi JANM

4. Meningkatkan produktiviti dan tempoh masa dalam usaha meningkatkan kadar kepuasan pelanggan, mengurangkan aduan dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan

5. Mengurangkan proses kerja rutin dan menumpukan kepada kerja yang memberi nilai tambah dan meningkatkan kompetensi pegawai

DIKAITKAN DENGAN



BST 3

OUTPUT UTAMA : Digital Workspace

NILAI DICIPTA

1. Membangunkan Pelan Induk *Digital Workspace*
2. Memudahkan pegawai mengakses sistem dan *tools* yang diperlukan dari mana-mana peranti seperti telefon pintar, *tablet*, komputer riba, atau *desktop* tanpa mengira lokasi
3. Mencipta semula (*reinvent*) *business process* di peringkat global. *Digital*

Workspace menggalakkan pegawai mengamalkan trend *business mobility* dan dapat direalisasikan melalui peralihan operasi daripada *hardware-centric* kepada *software-defined infrastructure*

4. Meningkatkan produktiviti dan output dalam mentransformasi perkhidmatan *digital* kerajaan

DIKAITKAN DENGAN



BST 3

OUTPUT UTAMA : Digital Learning

NILAI DICIPTA

1. Menghasilkan kandungan pembelajaran *digital* yang berkualiti
2. Mengadaptasi kaedah pembelajaran secara *digital*

DIKAITKAN DENGAN



PENENTUAN MATERIALITI



Penentuan materialiti dibuat berdasarkan kepada Kerangka Proses Pengukuran Risiko JANM diadaptasi daripada MS ISO 31000:2018 *Risk Management - Guidelines* dan Pelan Pengurusan Risiko JANM dibangunkan sebagai panduan untuk mengelak dan menangani sebarang risiko yang boleh menjejaskan prestasi dan penyampaian perkhidmatan JANM.



Kerangka Proses Pengukuran Risiko JANM



STRUKTUR PELAPORAN *ENTERPRISE RISK MANAGEMENT* (ERM)

1 Pemilik Risiko / Pegawai Risiko

- Mengenal pasti risiko, ancaman dan impak yang dihadapi
- Mengemas kini dan memantau Pelan Pengurusan Risiko JANM
- Menilai, menganalisa, mengklasifikasi dan mengenal pasti impak risiko yang dikenal pasti
- Mencadangkan kepada JPPR bagi perkara-perkara berkaitan pengurusan risiko Bahagian
- Melaporkan keputusan yang dibuat oleh JPPR kepada Bahagian masing-masing

2 Sekretariat

- Menyelenggara daftar risiko yang disediakan oleh JPPR
- Menyelaras dan menyusun profil risiko yang disediakan oleh JPPR
- Membantu JPPR dalam pemantauan tindakan pencegahan dan mitigasi risiko yang telah diluluskan bagi tujuan pelaporan kepada JIPR
- Merangka dan melaksana program kesedaran dan latihan mengenai pengurusan risiko

3 Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko (JPPR)

- Melaksana dasar pengurusan risiko dan kawalan dalaman Bahagian
- Menguruskan risiko di Bahagian
- Mengerakkan struktur tadbir urus pengurusan risiko dan mengaktifkan pelaksanaan pengurusan risiko
- Melaporkan status potensi risiko dan tindakan mitigasi/pencegahan bagi program BSP Bahagian yang telah dikenal pasti
- Memberi cadangan kawalan pencegahan dan mitigasi kepada JIPR
- Memperaku cadangan baru penambahbaikan Pelan Pengurusan Risiko
- Melaporkan keberkesanan aktiviti pengurusan risiko kepada JIPR
- Melulus semakan semula pindaan terhadap risiko yang dicadangkan oleh Pegawai Risiko Bahagian
- Melaporkan keputusan JPPR kepada JIPR

4 Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko (JIPR)

- Meluluskan dasar dan polisi pengurusan risiko JANM
- Memantau pelaksanaan pengurusan risiko JANM
- Melaporkan status potensi risiko dan tindakan mitigasi/pencegahan bagi program BSP Bahagian yang telah dikenal pasti
- Meluluskan keputusan utama yang mempengaruhi profil risiko JANM atau pendedahan risiko
- Meluluskan penambahbaikan atau perubahan pengurusan risiko JANM yang dicadangkan oleh JPPR
- Menentukan *risk appetite* yang sesuai atau tahap pendedahan risiko bagi JANM



RISIKO



RISIKO UTAMA

RISIKO 1 : TADBIR URUS

HURAIAN

- Sebagai organisasi utama yang bertanggungjawab dalam mentadbir pengurusan perakaunan dan kewangan kerajaan Persekutuan, JANM perlu memperkasa tadbir urus Jabatan. JANM digambarkan untuk mencapai pengiktirafan dan penghargaan di peringkat global
- Selain itu, pengurusan prestasi Jabatan dan penjawat awam adalah tertakluk kepada dasar dan sistem yang diwujudkan oleh agensi pusat iaitu JPA. Sekiranya JPA meminda dasar dan sistem pengurusan prestasi, maka Jabatan perlu mematuhi dasar dan sistem tersebut.
- Sistem pengurusan kualiti yang kurang menyeluruh bagi proses kerja dalam penyampaian perkhidmatan JANM
- Ketiadaan jabatan yang mempunyai dokumen tadbir urus korporat akan menyukarkan JANM untuk mendapatkan *benchmark* bagi pengamalan tadbir urus yang baik. Dokumen tadbir urus yang dibangunkan juga berkemungkinan tidak dijadikan rujukan kerana warga tidak mendapat pendedahan dan hebahan mengenai pengamalan tadbir urus yang baik.
- JANM pada masa ini tidak mempunyai hub data berpusat untuk Pengurusan Maklumat Perakaunan dan Kewangan dan ini membuka peluang besar untuk menjadikan JANM sebagai *Custodian* tunggal perkhidmatan pengurusan maklumat perakaunan dan kewangan sektor awam. Ketiadaan struktur kawalan data yang sistematik akan menyebabkan terjadinya kebocoran data dan data boleh dimanipulasi. Ini akan mengakibatkan data tidak dipercayai seterusnya menjejaskan imej JANM.

LANGKAH MITIGASI

- Mendapatkan khidmat nasihat perundingan dari agensi sektor awam yang mempunyai kepakaran dalam bidang tadbir urus iaitu INTAN
- Memperkukuh fungsi dan proses kerja sedia ada dengan mengambil kira amalan tadbir urus yang baik
- Mematuhi dan memantau keselamatan data serta membuat semakan semula prestasi Perkhidmatan Rangka Kerja Tadbir Urus Data KPI bagi memenuhi keperluan semasa
- Melaksanakan promosi dan hebahan mengenai dokumen tadbir urus yang baik dilaksanakan secara berkala
- Mengambil kira dasar dan polisi terkini berkaitan pengurusan prestasi yang disediakan oleh agensi pusat dan sentiasa membuat semakan dokumen pengurusan prestasi dengan dasar dan polisi tersebut
- Pelaksanaan Pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi mewujudkan suatu sistem pengurusan kualiti bagi Pengurusan Pengendalian Kursus, Proses Bayaran PTJ di bawah BA MOF, Proses Pengurusan Pengauditan serta Perkhidmatan Pengurusan Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut di bawah JANM dan Sistem Pengurusan Kualiti Bagi Perkhidmatan Pengurusan Naziran

RISIKO 2 : KEPAKARAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

HURAIAN

- JANM perlu membangunkan modal insan yang berbakat dan memastikan program pembangunan kemahiran yang berterusan. Tumpuan JANM adalah pembangunan untuk meningkatkan kemahiran modal insan, kecekapan teknikal dalam bidang kewangan, perakaunan dan pengkhususan digital, serta kecekapan bukan teknikal yang akan meningkatkan profesion ke tahap yang berbeza.
- Selain itu, berkemungkinan pelan pembangunan kompetensi yang dibangunkan tidak menyeluruh dan tidak memenuhi keperluan semasa, mengakibatkan pegawai skim perakaunan tidak kompeten dan memenuhi ekspektasi pihak berkepentingan (pelanggan dan pengurusan) kerana kemahiran bekerja lapuk dan tidak lagi relevan kepada jabatan dan pihak berkepentingan
- Pusingan kerja, pertukaran pegawai yang kerap, pegawai kurang pengalaman/pengetahuan serta pelan latihan yang tidak berkesan akan mengurangkan SME yang khusus dalam khidmat nasihat/perundingan berkaitan Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan sektor awam. Imej JANM sebagai peneraju terbilang dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam boleh dipertikaikan.
- Menuju era digital, JANM berharap untuk mewujudkan Sistem Profil Kompetensi bagi skim perakaunan. Sistem Profil Kompetensi yang mungkin tidak dibangunkan dan juga tidak digunakan dalam merancang pembangunan kompetensi pegawai, akan menyebabkan pembangunan kompetensi pegawai masih dilaksanakan secara manual dan tidak sistematik.

LANGKAH MITIGASI

- Menyediakan dan melaksanakan *succession plan*, pemerkasaan modal insan melalui kursus, seminar, webinar penyelidikan, lawatan penanda aras, kolokium penyelidikan dan lain-lain
- Merangka tindakan pembangunan kompetensi, laluan kerjaya dan kemahiran khusus SME secara berterusan
- Pelan penggantian dan pusingan kerja yang sistematik, peluang kenaikan pangkat serta peluang mengikuti program *job attachment* dan *cross fertilization*
- Mengekalkan *Data Scientist* di penempatan asal dalam memastikan kesinambungan pelaksanaan program yang dirancang
- Menyediakan peluang kepada pegawai untuk menyambung Ijazah Sarjana dalam bidang Data Sains
- Membangunkan portal di atas platform yang menepati keperluan pembangunan kandungan interaktif dan menyokong keperluan *digital workspace* dan ePembelajaran
- Melibatkan semua pihak dalam pembangunan Pelan Pembangunan Kompetensi (agensi pusat, wakil pegawai skim perakaunan bagi setiap peringkat dan lain-lain)
- Mendapatkan hala tuju dari pengurusan tertinggi JANM berkaitan perancangan dan pembangunan kompetensi pegawai sebelum sistem pembangunan kompetensi dibangunkan
- Mendapatkan maklum balas dan penanda aras dari agensi lain yang melaksanakan Sistem Profil Kompetensi
- Menubuhkan *task force* yang diwakili oleh wakil Bahagian bagi menambah baik sistem kompetensi dan menguatkuasakan penggunaan sistem
- Merangka dan melaksanakan program dan kursus IPNCPD di bawah Program *Continuing Professional Development* (CPD)
- Pelbagai program dan kursus telah dirancang dan dilaksanakan IPNCPD di bawah Program *Continuing Professional Development* (CPD) dalam usaha meningkatkan profesionalisme di kalangan akauntan lantikan JANM serta memiliki keupayaan individu berprestasi tinggi

RISIKO 3 : TEKNOLOGI DIGITAL

HURAIAN

- JANM sentiasa berusaha ke arah penambahbaikan dalam sistem perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan agensi-agensi kerajaan agar sejajar dengan perkembangan teknologi terkini
- Seluruh dunia membuktikan bahawa *Enterprise Architecture* (EA) telah memudahkan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan agensi-agensi secara meluas melalui peningkatan keupayaan *business* dan IT masa hadapan, reka bentuk semula penyampaian perkhidmatan dan transformasi digital. Namun, kesibukan tugas operasi dan proses kerja yang tidak sistematik akan menyebabkan kegagalan dalam pelaksanaan EA serta berkemungkinan menghasilkan pelan induk EA yang tidak komprehensif.
- JANM juga berhasrat membangunkan Pusat Sehenti Sistem *e-Payment* untuk kutipan hasil sektor awam dan pengiktirafan perakaunan, dan integrasi Agensi/Kementerian terpilih dengan sistem *ePayment*. Namun, ketidaksediaan agensi untuk berintegrasi dengan sistem *e-Payment* akan menjadikan data kewangan tidak komprehensif dan mengakibatkan tiada maklumat terperinci berkaitan transaksi.
- Wujud jurang daripada aktiviti pembangunan melibatkan modul-modul yang terdapat dalam *iPayment* berbanding keperluan pengguna
- Selain itu, penggunaan *disruptive technology* oleh JANM untuk meneroka peluang dalam inovasi perkhidmatan mungkin tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan kewangan dan kepakaran bagi melaksanakan kajian serta penilaian *disruptive technology* digital
- Kekerapan pertukaran *Liason Change Agent* (LCA) serta kekurangan SME dalam mengendalikan *digital learning* akan menyebabkan kegagalan dalam pembudayaan Program Pengurusan Perubahan bagi *Digital Workspace/Digital Learning*, justeru, penyampaian maklumat tidak akan dapat disampaikan secara berterusan
- Kurang kepakaran dalam piawaian teknologi digital dan tiada rakan strategik/penanda aras sebagai rujukan menyebabkan piawaian dan undang-undang sedia ada tidak memenuhi keperluan era digital terkini
- Kekurangan sumber untuk pembangunan menyebabkan pembangunan infrastruktur pembelajaran bersepadu tidak berjaya dibangunkan dan kompetensi warga JANM masih bergantung kepada platform sedia ada
- Program pembangunan yang tidak komprehensif serta skop dan kriteria pencarian bakat digital tidak memenuhi piawaian/pensijilan akan menyebabkan JANM tidak dapat mengekalkan SME digital dan memberi kesan terhadap ketiadaan transformasi dan penambahbaikan perkhidmatan
- Ancaman siber dan bencana yang boleh mengugat kelancaran operasi Jabatan yang berlandaskan ICT

LANGKAH MITIGASI

- Pemantauan pelaksanaan amalan *Enterprise Architecture* mengikut Bahagian dan JANM Negeri/Cawangan
- Pemantauan berkala bagi memastikan pelaksanaan integrasi/perkongsi data mengikut jadual
- Perlu memahami kesesuaian jenis teknologi dengan data dan proses dalaman JANM. Kapasiti *Disruptive Technology* digital dimanfaatkan dengan melaksanakan Projek RPA di BWTD.
- *Revisit* proses kerja dan undang-undang dari semasa ke semasa
- Memantau perkembangan dan prestasi setiap program latihan yang dijalankan bagi memastikan ianya dalam keadaan yang teratur dan terkawal
- Mengoptimumkan penggunaan sumber SME Digital sedia ada melalui pelaksanaan program latihan berkaitan analisis data (Program Pensijilan Analisis Data - *Analyst Pathway* dan *Management Pathway*)
- Perancangan penempatan yang sesuai bagi pegawai yang telah dilatih dalam bidang digital seperti *Enterprise Architecture*, *Data Analyst*, *ACL* dan lain-lain jika maklumat berkaitan *profiling* telah disediakan
- JANM telah menjalankan bengkel bagi menyediakan Pelan Tindakan Mitigasi Aktiviti Pembangunan iPayment
- Memastikan aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (*DR Simulation*) iGFMS dapat berjalan dengan lancar sekiranya berlaku gangguan, bencana atau insiden kepada pusat data utama
- Membangunkan dokumentasi Polisi Keselamatan Siber (PKS) supaya selaras dengan keperluan pensijilan *Information Security Management System* (ISMS) dan mewajibkan pegawai di JANM untuk menandatangani dokumen PKS tersebut





MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI

Matlamat Pembangunan Lestari atau lebih dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDG) yang diperkenalkan pada tahun 2015 oleh *United Nations General Assembly* (UNGA), berfungsi sebagai rangka tindakan penting negara untuk merangka polisi bagi memastikan masa depan mampan untuk rakyat. Ini merangkumi semua cabaran pembangunan dunia moden, termasuk ekonomi, sosial, politik dan alam sekitar.

SDG merupakan komitmen global ke arah masa depan yang lebih mampan. Ini adalah rangka tindakan menuju ke arah pembangunan mampan, berdaya tahan dan inklusif, yang menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang merangkumi lima (5) bidang tumpuan: kemajuan masyarakat, penjagaan bumi, kemakmuran, keamanan dan kerjasama.

Malah, sebelum pengumuman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Malaysia secara konsisten telah mengambil kira aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam rancangan pembangunan negara. Ini sudah menjadi amalan kita sejak mencapai kemerdekaan pada 1957. Kemampan dan inklusiviti telah menjadi perkara utama dalam pembangunan Malaysia. Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) telah dilaksanakan dari tahun 2000 hingga 2015, yang memfokuskan kepada pengurangan kemiskinan terag dan komitmen untuk mencapai lapan (8) sasaran berdasarkan tempoh yang telah ditetapkan. Pelaksanaan SDG merupakan kesinambungan daripada MDG yang telah berakhir pada tahun 2015.

SDG 17 matlamat | 169 sasaran



MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG)

JANM sentiasa komited ke arah masa depan yang lebih mampan selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan teras Malaysia MADANI.



Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi

Bagi mencapai Matlamat 8, JANM sentiasa memastikan semua pegawai perkhidmatan perakaunan lantikan JANM berkebolehan untuk mempamerkan kualiti dan kompetensi agar kekal relevan di sektor awam terutamanya dalam *digital accounting and finance*.

Usaha memperkasa perkhidmatan, meningkatkan kompetensi dan tahap akauntabiliti pegawai perkhidmatan perakaunan sektor awam dilaksanakan antaranya menerusi inisiatif program pengajian dalam badan profesional perakaunan.

Sehingga 31 Disember 2022, inisiatif ini telah melahirkan seramai 325 orang Akauntan Sektor Awam yang layak dipertimbangkan untuk memperoleh keahlian penuh dalam badan profesional perakaunan berkenaan.



Keamanan, Keadilan dan Institusi Teguh

Sebagai peneraju terbilang dalam perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan sektor awam, JANM mengeluarkan MPSAS, Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) dan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) untuk menghasilkan pelaporan kewangan yang berkualiti tinggi dan telus.

Di samping itu, ANM selaku Pendaftar Wang Tak Dituntut bagi menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370] untuk mempertingkatkan kesedaran tentang hak dan tanggungjawab individu termasuk syarikat/firma terhadap akta tersebut.

JANM turut memberi khidmat nasihat dan perundingan perakaunan kepada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan selaras dengan Matlamat 17 bagi membangunkan institusi yang efektif, bertanggungjawab dan telus kepada semua peringkat.



Kerjasama Demi Matlamat

Kerjasama antara sektor awam dan swasta yang teguh adalah penting untuk mencapai Matlamat 17. JANM memanfaatkan kolaborasi strategik dengan Badan Profesional Perakaunan seperti ICAEW, ACCA, CIMA, CPA(Aust), MICPA dan MIA, institusi pengajian serta industri bagi mencapai matlamat bersama termasuklah tadbir urus yang baik, pembangunan kerjaya dan kemampuan perkhidmatan perakaunan.







MATLAMAT DAN PRESTASI STRATEGIK

MATLAMAT STRATEGIK

Kami telah menetapkan matlamat strategik JANM melalui Pelan Strategik JANM 2019-2023. Pelan Strategik *Business* (BSP) JANM menggariskan empat (4) Teras Strategik, sembilan (9) strategi, 19 program dan 37 projek.

Berikut merupakan pencapaian projek utama sehingga 31 Disember 2022. Projek utama yang disenaraikan adalah merupakan fokus utama JANM dan sejajar dengan tema laporan bersepadu JANM Tahun 2022 iaitu *Digital Accounting and Finance*.

Semua projek telah dilaksanakan oleh *Lead Owner* dengan pemantauan dari Pengurusan Tertinggi JANM melalui tadbir urus Pelan Strategik iaitu Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik JANM yang dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara dan Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik JANM yang dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia.

PELAN STRATEGIK *BUSINESS*

4 TERAS STRATEGIK



KECEMERLANGAN
INSTITUSI




BUSINESS
TERAS



TRANSFORMASI
DIGITAL




MODAL
INSAN



Pemantauan Pelan Strategik

Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik ditubuhkan bertujuan untuk memantau projek di bawah Pelan Strategik JANM. Sepanjang tahun 2022, sebanyak tujuh (7) mesyuarat telah diadakan yang merangkumi dua (2) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik JANM (Operasi), tiga (3) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik JANM (Korporat) dan dua (2) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik JANM.

Pada tahun 2022 kami telah melaksanakan satu Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik *Business* JANM pada 4 hingga 5 Julai 2022, manakala bagi Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik ICT telah diadakan pada 14 September 2022. Bengkel ini bertujuan untuk menyelaraskan dan menganalisa pelan strategik berdasarkan pencapaian semasa dan analisis persekitaran.



Perunding dari MAMPU, Tuan Syed Ahmad Bashah Bin Syed Anwar Membantu Peserta Bengkel



Para Peserta Bengkel Termasuk Pengurusan Tertinggi Sedang Berdiskusi

PENCAPAIAN PROJEK UTAMA PELAN STRATEGIK JANM

Secara keseluruhannya, pencapaian projek BSP JANM semakin meningkat pada tahun 2022 selaras dengan pemulihan sosial dan ekonomi negara terutamanya apabila Malaysia beralih kepada fasa endemik COVID-19.

Bilangan Pasukan Projek BSP & ISP yang selaras dengan tema *Digital Accounting and Finance* adalah sebanyak 10 projek yang melibatkan lapan (8) bahagian iaitu BPPP, BPTM, BPOPA, BKP, BPOPP, BWTD, PPPA dan IPN. Sebanyak enam (6) projek telah selesai dan empat (4) projek berjalan seperti yang dirancang.

PROJEK BSP JANM








Dalam Pelaksanaan



Selesai

TERAS STRATEGIK 1: MEMACU JANM KE ARAH KECEMERLANGAN INSTITUSI

- **Projek BST1S2P3-A: Membangunkan Katalog Perkhidmatan Perundingan dan Penasihat Perakaunan dan Kewangan**

Pencapaian Projek	Catatan Pencapaian Projek										
100% (Selesai)	<p>Portal Perakaunan Akruan telah berjaya dilengkapkan berasas sembilan (9) ciri yang ditetapkan dalam Kertas Strategi Pembangunan Katalog JANM merangkumi:</p> <table border="0"> <tr> <td>i. Status Pembangunan MPSAS</td> <td>vi. <i>Interactive Learning</i></td> </tr> <tr> <td>ii. Status <i>Task Based Group</i> (TBG)</td> <td>vii. Kawalan Capaian</td> </tr> <tr> <td>iii. Program <i>Subject Matter Expert</i> (SME)</td> <td>viii. Fungsi Carian</td> </tr> <tr> <td>iv. Status Migrasi Data</td> <td>ix. Fungsi Arkib</td> </tr> <tr> <td>v. Maklumat Perakaunan Pengurusan</td> <td></td> </tr> </table> <p>Platform yang digunakan adalah Microsoft Sharepoint 2019.</p>	i. Status Pembangunan MPSAS	vi. <i>Interactive Learning</i>	ii. Status <i>Task Based Group</i> (TBG)	vii. Kawalan Capaian	iii. Program <i>Subject Matter Expert</i> (SME)	viii. Fungsi Carian	iv. Status Migrasi Data	ix. Fungsi Arkib	v. Maklumat Perakaunan Pengurusan	
i. Status Pembangunan MPSAS	vi. <i>Interactive Learning</i>										
ii. Status <i>Task Based Group</i> (TBG)	vii. Kawalan Capaian										
iii. Program <i>Subject Matter Expert</i> (SME)	viii. Fungsi Carian										
iv. Status Migrasi Data	ix. Fungsi Arkib										
v. Maklumat Perakaunan Pengurusan											
Modal	Nilai Diwujudkan										
  	<p>Peningkatan ilmu pengetahuan berkaitan kompetensi dalam penyampaian khidmat nasihat.</p> <p>Katalog perkhidmatan bertindak sebagai alat pengurusan pengetahuan untuk pegawai dan perunding, yang membolehkan mereka menghalakan permintaan berkenaan dengan perkhidmatan tertentu kepada <i>subject matter expert</i> yang bertanggungjawab untuk mengendalikannya.</p>										

TERAS STRATEGIK 2: MENERAJU PERKHIDMATAN PERAKAUNAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN PENGURUSAN SEKTOR AWAM

- **Projek BST2S1P1-A: Persediaan Amalan *Enterprise Architecture* (EA) dan Membangunkan Kompetensi EA**

Pencapaian Projek	Catatan Pencapaian Projek						
100% (Selesai)	<p>EA <i>Office</i> telah diwujudkan melalui Jawatankuasa Penyelarasan EA JANM yang dipengerusikan secara bersama oleh Pengarah BPPP dan BPTM.</p> <p>Latihan berkaitan EA telah dilaksanakan dan bilangan pegawai yang telah mengikut latihan adalah seperti berikut:</p> <table border="0"> <tr> <td>a) <i>Archimate</i> : 43 orang</td> <td>c) <i>Architecture Core</i> : 20 orang</td> <td>e) Pentauliahan Amalan: 4 orang</td> </tr> <tr> <td>b) BITAF : 22 orang</td> <td>d) TOGAF : 22 orang</td> <td></td> </tr> </table>	a) <i>Archimate</i> : 43 orang	c) <i>Architecture Core</i> : 20 orang	e) Pentauliahan Amalan: 4 orang	b) BITAF : 22 orang	d) TOGAF : 22 orang	
a) <i>Archimate</i> : 43 orang	c) <i>Architecture Core</i> : 20 orang	e) Pentauliahan Amalan: 4 orang					
b) BITAF : 22 orang	d) TOGAF : 22 orang						
Modal	Nilai Diwujudkan						
   	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan keupayaan JANM menyelaras strategi dan persekitaran aktiviti teras JANM serta daya saing. • Meningkatkan kemahiran modal insan secara berterusan selaras dengan keperluan amalan EA serta trend pasaran sebagai akauntan serba boleh. • Memacu kerelevanan masa depan profesion perakaunan dengan memiliki pengetahuan yang tinggi, berkemahiran khusus dalam amalan EA untuk melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. • Jalinan kerjasama dan membina hubungan baik dengan jabatan dan industri bagi perkongsian kepakaran, kemahiran dan pengalaman amalan EA. 						



Dalam Pelaksanaan



Selesai

■ **Projek BST2S1P1-B: Membangunkan Pelan Induk Enterprise Architecture (EA) dan Melaksanakan EA JANM**



Pencapaian Projek	Catatan Pencapaian Projek
100% (Selesai)	Pelan Induk Enterprise Architecture telah disediakan pada 31 Disember 2022 dan diluluskan oleh Pengurusan JANM pada 22 Februari 2023.
Modal	Nilai Diwujudkan
	Penambahbaikan proses kerja dalam penyampaian perkhidmatan sektor awam.

■ **Projek BST2S1P2-B: Meningkatkan Kemudahan Platform ePayment**



Pencapaian Projek	Catatan Pencapaian Projek
100% (Selesai) – Pelan Induk	<p>Pelan Induk Sistem iPayment telah disediakan dan diluluskan oleh Pengurusan JANM melalui Mesyuarat Pengurusan JANM Bil.12/2020 pada 22 Disember 2020.</p> <p>Sehingga 31 Disember 2022, pembangunan fasa satu Sistem iPayment melibatkan aktiviti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. System Architecture Design (SAD) 2. Master Test Plan (MTP) 3. Change Management (CM) Plan 4. User Requirement Specification (URS) 5. System Requirement Specification (SRS) <p>Secara keseluruhan, prestasi pembangunan sistem iPayment adalah 62.42 peratus.</p>
Modal	Nilai Diwujudkan
	Menghasilkan sistem terimaan elektronik bersepadu sektor awam yang boleh digunakan oleh semua pihak yang berkepentingan.

■ **Projek BST2S2P2-A: Membangunkan Kompetensi Data Raya dan Analisis**



Pencapaian Projek	Catatan Pencapaian Projek									
92%	<p>Latihan yang telah dilaksanakan sehingga 31 Disember 2022:</p> <table border="1"> <tr> <td>ACL Certified Data Analyst</td> <td>Data Analytics program anjuran ICAEW dan Kaplan</td> <td>Data Sains</td> </tr> <tr> <td>2020-2021 : 18 orang</td> <td>2022 : 20 orang</td> <td>HLP sarjana : 2 orang</td> </tr> <tr> <td>2022 : 15 orang</td> <td></td> <td></td> </tr> </table>	ACL Certified Data Analyst	Data Analytics program anjuran ICAEW dan Kaplan	Data Sains	2020-2021 : 18 orang	2022 : 20 orang	HLP sarjana : 2 orang	2022 : 15 orang		
ACL Certified Data Analyst	Data Analytics program anjuran ICAEW dan Kaplan	Data Sains								
2020-2021 : 18 orang	2022 : 20 orang	HLP sarjana : 2 orang								
2022 : 15 orang										
Modal	Nilai Diwujudkan									
	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan keupayaan JANM dalam memanfaatkan aset data bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam. • Meningkatkan kemahiran modal insan secara berterusan selaras dengan keperluan kompetensi data analisis dan data raya serta trend pasaran sebagai akauntan serba boleh. • Memacu kerelevanan masa depan profesion perakaunan dengan memiliki pengetahuan yang tinggi, berkemahiran khusus dalam analisis untuk melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. • Jalinan kerjasama dan membina hubungan baik dengan pemain industri bagi perkongsian kepakaran, kemahiran dan pengalaman kompetensi data raya dan analisis. 									



Dalam Pelaksanaan





Selesai

TERAS STRATEGIK 3: MELONJAK TRANSFORMASI INSTITUSI KE ARAH KEWANGAN DAN PERAKAUNAN DIGITAL

■ Projek BST3S1P2-B: Pengurusan Bakat Digital



Pencapaian Projek	Catatan Pencapaian Projek
75%	<p>Bagi tahun 2022, Kursus AICPA & CGMA RPA <i>Fundamentals</i> telah bermula pada 4 November 2022 dan dilaksanakan secara berterusan. Sehingga 31 Disember 2022, status calon lulus seramai 15 orang selesai.</p> <p>Projek akan selesai pada 2023 kerana pelaksanaan projek adalah secara berterusan.</p>
Modal	Nilai Diwujudkan
 	Membangunkan kumpulan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berketrampilan secara digital dalam pembaharuan reformasi perkhidmatan yang berterusan.





Dalam Pelaksanaan



Selesai

■ **Projek BST3S1P2-C: Memanfaatkan Kapasiti *Disruptive Technology* Digital Ke Arah Transformasi Perkhidmatan**



Pencapaian Projek	Catatan Pencapaian Projek
100% (Selesai)	Projek RPA telah <i>go live</i> pada 15 Mac 2022.
Modal	Nilai Diwujudkan
   	Memupuk penggunaan <i>Disruptive Technology</i> untuk meneroka peluang dalam inovasi perkhidmatan.

Kajian terhadap salah satu *disruptive technologies* iaitu RPA mendapati teknologi ini sesuai diperluaskan penggunaan di JANM. Ini berdasarkan *benchmarking* yang dilakukan ke atas pelbagai negara dan agensi yang berjaya melaksanakan teknologi ini dalam meningkatkan produktiviti menerusi automasi dan pendigitalan proses kerja yang kritikal. Selaras dengan itu, bagi merealisasikan hasrat ini, pelan jangka pendek dan jangka panjang telah diluluskan oleh pengurusan JANM.

Antara projek utama BPTM dalam memanfaatkan kapasiti *Disruptive Technology Digital* ke arah transformasi perkhidmatan adalah projek *Robotic Process Automation* (RPA) di mana BPTM berperanan untuk menjalankan kajian dan penilaian dan cadangan (termasuk pelaksanaan *Proof Of Concept* (POC)) bagi memperluaskan RPA serta menilai teknologi *disruptive* yang berkaitan berdasarkan kematangan teknologi, kesediaan warga JANM dan infrastruktur ICT, kesan penggunaannya kepada JANM, serta kos pelaksanaan. Kajian awal telah dibuat bermula tahun 2021. Bagi merealisasikan RPA ini, BWTD telah melaksanakan RPA bagi proses semakan dokumen permohonan Wang Tak Dituntut secara dalam talian.



Statistik Penggunaan RPA Bagi Semakan Permohonan Wang Tak Dituntut



KRONOLOGI

PELAKSANAAN RPA DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA

Kajian Study & Recommendation of Suitable Disruptive Technologies Robotic Process Automation (RPA).

1

SEPT 2021 –
JULAI 2022

30 OGOS 2022

2

Pembentangan kajian Disruptive Technology: RPA dalam mesyuarat Pengurusan JANM Bil 8/2022

Seminar RPA dengan tema "RPA Pemacu Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Awam", yang diadakan di PICC, Putrajaya

3

12 OKTOBER 2022

25 OKTOBER 2022

4

Pembentangan strategi pelaksanaan RPA dalam Mesyuarat Pengurusan JANM Bil 10/2022.

Lantikan CAO dan DCAO sempena Hari Inovasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia

5

27 OKTOBER 2022

11 NOVEMBER 2022
2 DISEMBER 2022

6

Awareness Program kepada kakitangan JANM mengenai program RPA JANM.

Lawatan pasukan RPA JANM yang diketuai oleh TAN(K) ke Telekom Malaysia Bhd bertempat di TM One, Damansara.

7

13 DISEMBER 2022

DISEMBER
2022

8

- Pembentangan dalam Mesyuarat Teknikal Pegawai ICT
- Persijilan RPA oleh CIMA-AICPA
- Persijilan UiPath Starter







Dalam Pelaksanaan



Selesai

■ **Projek BST3S2P1 -A: Membangunkan Pelan Induk *Digital Workspace***



Pencapaian Projek	Catatan Pencapaian Projek
100% (Selesai)	Pelan Induk <i>Digital Workspace</i> (PIDW) telah disediakan dan diluluskan oleh Pengurusan JANM melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik JANM Bil.1/2021 pada 7 Januari 2021.
Modal	Nilai Diwujudkan
   	Sistem penyampaian perkhidmatan terus kekal berkualiti, memenuhi ekspektasi pihak berkepentingan dan pelanggan melalui: <ul style="list-style-type: none"> • Persekitaran kerja yang lebih selesa; • Saluran komunikasi yang berkesan; • Semangat bekerjasama yang tinggi; dan • Keseronokan bekerja.

Kami telah membangunkan PIDW JANM bagi menjadi rujukan dalam merancang dan melaksanakan persekitaran ruang kerja terbuka (*Digital Workspace*). Sehubungan itu, JANM dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya telah menstukturkan ruang kerja terbuka pada tahun 2022 di BPOPP, JANM supaya menjadi penanda aras di peringkat Jabatan. Pejabat baharu BPOPP telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia pada 1 April 2022. Pelaksanaan ruang kerja terbuka telah diperluaskan ke JANM Negeri Selangor dan Perak.



Perasmian Pejabat Baharu BPOPP oleh Akauntan Negara Malaysia



BPOPP JANM



JANM Negeri Perak



JANM Negeri Selangor








Dalam Pelaksanaan



Selesai

- **Projek BST3S2P1-B: Membangunkan dan Menerapkan Tools dan Persekitaran yang Kondusif**



Pencapaian Projek	Catatan Pencapaian Projek
37.49%	Aktiviti utama 2022: 1. Polisi Keselamatan Siber V1.0; dan 2. Penggunaan Komputer Riba bagi semua Gred 29 ke atas (mengikut keperluan kerja).
Modal	Nilai Diwujudkan
    	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan pegawai mengakses sistem dan <i>tools</i> yang diperlukan dari mana-mana peranti seperti telefon pintar, <i>tablet</i>, komputer riba atau <i>desktop</i> tanpa mengira lokasi • Mencipta semula (<i>reinvent</i>) proses <i>business</i> di peringkat global. <i>Digital workspace</i> menggalakkan pekerja mengamalkan <i>trend business mobility</i> dan dapat direalisasikan melalui peralihan <i>business</i> daripada <i>hardware-centric</i> kepada <i>software-defined infrastructure</i>. • Meningkatkan produktiviti dan output dalam mentransformasi perkhidmatan digital kerajaan.



Dalam Pelaksanaan



Selesai

- **Projek BST3S2P1-C: Pembangunan Platform Pembelajaran Digital JANM**



Pencapaian Projek	Catatan Pencapaian Projek
75%	Aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2022: 1. Kajian keberkesanan pelaksanaan pembelajaran digital 2. Bilangan kursus ePembelajaran yang dijalankan: 140 3. Bilangan peserta mengikuti kursus ePembelajaran: 7,410 orang 4. <i>Sesi technology update</i> : 2 5. Bilangan pegawai yang mengikuti kursus/bengkel latihan kemahiran: 50 orang
Modal	Nilai Diwujudkan
	Mengadaptasi kaedah pembelajaran secara digital


Di bawah program *Digital Learning*, kami telah melaksanakan satu (1) webinar penyelidikan untuk memberi ruang dan peluang kepada lapan (8) pegawai kami yang menamatkan pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah untuk berkongsi hasil penyelidikan dalam pengajian masing-masing. Selain itu, satu (1) kolokium penyelidikan iaitu program pembentangan dengan skala besar dan terbuka antara pegawai sektor awam, ahli akademik institusi pengajian tinggi dan orang awam telah dianjurkan secara dalam talian yang melibatkan 10 pembentang. Kami juga telah menganjurkan dua (2) siri Webinar *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) yang bertujuan untuk memberi pemahaman kepada peserta berkaitan isu dan permasalahan yang timbul dalam Perakaunan Tanah dan Perakaunan Luar Jangka : Kes-Kes Mahkamah.



PRESTASI STRATEGIK KESELURUHAN

PRESTASI STRATEGIK

Pencapaian **Pelan Strategik Business JANM** sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:



Pencapaian **Pelan Strategik ICT JANM** sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:



Bagi menghargai segala usaha dan tenaga yang disumbangkan oleh setiap Bahagian dalam menjayakan projek di bawah Pelan Strategik Jabatan, sijil penghargaan telah disampaikan semasa Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2022 untuk projek yang telah mencapai status pelaksanaan 100% iaitu:

- Projek Pembangunan Pelan Induk Pengurusan Perubahan dan Projek Pembangunan Katalog Perkhidmatan Perundingan Dan Penasihat Perakaunan Dan Kewangan 2.0
- Projek Pembangunan eMaklum *Mobile Apps* dan
- Projek *Disruptive Technology Adoption*



Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Bahagian oleh Akauntan Negara Malaysia




MAKLUMAT KEWANGAN

PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

PRESTASI BELANJA MENGURUS

AMAUN BAJET				
MENGURUS	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN AMAUN SEBENAR (RM)	PERBEZAAN (RM)
EMOLUMEN	148,980,700	143,778,875	143,778,871	4
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	122,124,800	92,155,882	92,155,879	3
ASET	5,888,600	10,942,257	10,942,253	4
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	256,600	215,060	215,060	0
JUMLAH	277,250,700	247,092,074	247,092,063	11
PEMBANGUNAN				
PROJEK JANM	72,760,800	55,398,300	53,999,093	1,399,207
iSPEKS	360,800	360,800	360,800	0
iSPLN	0	90,600	90,524	76
iPAYMENT	9,000,000	5,758,100	5,691,127	66,973
STP IPN	2,400,000	1,600,000	1,600,000	0
LUARAN IPN	1,000,000	140,400	140,375	25
OE DE iGFMS	60,000,000	47,448,400	46,116,267	1,332,132
JUMLAH	350,011,500	302,490,374	301,091,156	1,399,218




PRESTASI BELANJA MENGURUS BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022

Berdasarkan Penyata Prestasi Belanja Mengurus Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2022 di atas, perbelanjaan peruntukan tertinggi JANM adalah bayaran Emolumen iaitu 58% (RM143.77 juta) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan belanja mengurus (RM247.09 juta). Bayaran ini tidak terhad kepada pegawai JANM yang berkhidmat di Putrajaya sahaja namun ia merangkumi keseluruhan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri dan Cawangan iaitu melibatkan 25 pejabat di seluruh negara. Manakala perbelanjaan peruntukan mengurus bagi Perkhidmatan dan Bekalan merupakan kedua tertinggi iaitu 37% (RM92.16 juta), ia juga merangkumi keperluan keseluruhan JANM di Putrajaya dan juga 25 pejabat JANM Negeri serta Cawangan yang lain.



PRESTASI BELANJA PEMBANGUNAN



Pembiayaan Projek iGMAS merupakan perbelanjaan terbesar bagi kategori peruntukan bayaran pembangunan iaitu 85.40% (RM46.112 juta) daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan. Projek iGMAS merupakan projek UTAMA JANM dan ia melambangkan identiti JANM selaku pemberi khidmat perakaunan dan kewangan negara. Manakala kedua tertinggi bagi kategori peruntukan pembayaran pembangunan adalah pembiayaan projek iPayment iaitu 10.54% (RM7.68 juta). Projek ini merupakan projek terbaharu JANM dan akan memberi manfaat kepada semua agensi kerajaan selepas sistem selesai dibangunkan. Seterusnya projek STP IPN, iSPEKS, Luaran IPN dan iSPLN masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 2.96%, 0.67%, 0.26% dan 0.17% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan JANM.

MAKLUMAT TAMBAHAN



PEMANTAPAN FUNGSI JANM

KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN PERAKAUNAN


Salah satu fungsi kami adalah memberi khidmat nasihat dan perundingan perakaunan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan.

Oleh itu, satu Jawatankuasa Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan (JKSPKP) telah ditubuhkan di JANM bertujuan mengkaji dan meluluskan permohonan pembangunan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan daripada Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan.

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak empat (4) kali mesyuarat JKSPKP telah diadakan dan telah memberi kelulusan reka bentuk sistem kewangan dan perakaunan kepada 33 sistem di Kerajaan Persekutuan dan tujuh (7) sistem di Badan Berkanun (Persekutuan & Negeri) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

KELULUSAN

REKA BENTUK SISTEM KEWANGAN DAN PERAKAUNAN



PEMANTAUAN KE ATAS PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Selaras dengan fungsi JANM untuk memastikan pematuhan dan penguatkuasaan tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang berkaitan, kami telah mengeluarkan MPSAS, SPANM serta PPIBZW.

MPSAS telah digubal berasaskan kepada *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS)* daripada *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncement 2018* dengan kebenaran penerbitan

semula daripada *International Federation of Accountants* (IFAC). Sehingga 31 Disember 2022, JANM telah menerbitkan sebanyak 33 MPSAS dan satu (1) dokumen *Improvements to MPSASs 2023*, yang mana mengandungi maklumat pindaan terkini terhadap 33 MPSAS yang telah dikeluarkan.

Pada masa yang sama, bagi memantapkan pelaksanaan perakaunan akruan dan pemakaian MPSAS, sembilan (9) TBG telah diwujudkan untuk membuat kajian berkaitan *Effective Interest Rate, Provision, Natural Resources, Going Concern, Jaminan Kewangan, Penjejasan Nilai, Aset Biologi, Aset Tak Ketara dan Prior Year Adjustment (PYA)*.

Tujuan penubuhan TBG ini adalah bagi membincangkan tatacara perakaunan yang merangkumi aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan item-item tertentu yang tidak dinyatakan secara langsung pada piawaian, polisi dan garis panduan perakaunan akruan sedia ada terutamanya yang melibatkan pertimbangan profesional dan penetapan tahap materialiti termasuk isu-isu unik dalam perakaunan akruan sektor awam.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan (JKP) Bil. 1 Tahun 2019 yang telah diadakan pada 19 Februari 2019 telah meluluskan penubuhan TBG Polisi Perakaunan Akruan. Pada mesyuarat tersebut, dua (2) TBG telah ditubuhkan iaitu TBG Jaminan Kerajaan (*Government Guarantee*) dan TBG Penjejasan Nilai (*Impairment*). Mesyuarat JKP Bil.2 Tahun 2019 pada 12 September 2019 pula telah memutuskan untuk menubuhkan lagi dua (2) kumpulan TBG iaitu TBG Aset Biologi dan TBG Aset Tak Ketara.

Pada tahun 2022 beberapa lagi kumpulan TBG telah ditubuhkan berdasarkan kepada keperluan dan isu-isu perakaunan yang dibangkitkan di peringkat persekutuan mahupun negeri. Antaranya adalah TBG Usaha Berterusan (*Going Concern*), Pelarasan Tempoh Terdahulu (*Prior Year Adjustment*), Sumber Asli (*Natural Resources*), Peruntukan (*Provision*) dan juga Kadar Faedah Berkesan (*Effective Interest Rate*).

Selain itu, sebanyak enam (6) SPANM telah dikeluarkan pada tahun 2022 yang merangkumi SPANM berkaitan Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan, Tatacara

33 MPSAS dikeluarkan

Penambahbaikan MPSASs 2023
Diterbitkan pada Disember 2022

WORK IN PROGRESS

Penerbitan *Malaysian Public Sector Accounting Pronouncement Handbook 2023*

Akan diadaptasi

- IPSAS 39 - *Employees Benefits* (Supersede IPSAS 25)
- IPSAS 41 - *Financial Instruments* (Supersede IPSAS 29)
- IPSAS 42 - *Social Benefits* (New Standard)
- IPSAS 43 - *Leases* (Supersede IPSAS 13)
- IPSAS 44 - *Non-current Assets Held for Sale and Discontinued Operations* (New Standard)

6 SPANM dikeluarkan 2022

Aset Bukan Kewangan
Dikeluarkan pada 22 April 2022

9 TBG (Task Based Group)

Effective Interest	Provision	Natural Resources	Going Concern
<ul style="list-style-type: none"> Draf GP Kadar Faedah Tersirat akan dibincangkan dalam Pra-JKPPAK 30 Jan 2023. 	<ul style="list-style-type: none"> Sesi knowledge sharing akan diadakan pada tahun 2023 melibatkan Juruaudit, AGC dan juga badan berkanun. 	<ul style="list-style-type: none"> Lawatan dan Mesyuarat ke Ulu Muda Forest Reserve, Kedah pada 27 hingga 30 Nov 2023. 	<ul style="list-style-type: none"> Cadangan Rangka kerja akan dibentangkan dalam Mesyuarat JPPAK sebagai kertas makluman.
Jaminan Kewangan	Penjejasan Nilai	Aset Biologi	Aset Tak Ketara
<ul style="list-style-type: none"> Kertas cadangan Perakaunan Ji Jaminan tidak diluluskan di Mesyuarat Khas JKP pada 12 Dis 2022. Akan dibentangkan semula pada 2023. 	<ul style="list-style-type: none"> Perbincangan pada 2 Dis 2023 dibuat mengenai template PWC (penilaian individu) berkaitan penjejasan ABT Tertunggak. 	<ul style="list-style-type: none"> Draf Kertas Cadangan Aset Biologi (HLP) akan dibincangkan dalam Mesyuarat Pra-JKPPAK pada 30 Jan 2023. 	<ul style="list-style-type: none"> Kertas cadangan telah diluluskan di Mesyuarat JKP Bil.4/2022 pada 1 Dis 2022.
PYA	<ul style="list-style-type: none"> Perbincangan lanjut bersama Jabatan Audit Negara pada Disember 2022 bagi penetapan materialiti. 		

SURAT PEKELING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) & GARIS PANDUAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (GPNM)

141 SPANM AKTIF

6 GPNM AKTIF

PEKELING PERBENDAHARAAN

3 PP PS1.1, PP PS1.2, PP PS1.3

PEKELING PERBENDAHARAAN

Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan, Tarikh Dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahunan dan Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan.

Tiga (3) Pekeliling Perbendaharaan (PP) yang berkaitan dengan perakaunan juga telah diterbitkan iaitu PS1.1 Penjenisan Kod Bagi Hasil Dan Perbelanjaan, PS1.2 Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan dan PS1.3 Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan.

Kami juga turut terlibat dalam membangunkan PPIBZW yang bertujuan menyeragamkan pembentangan pelaporan kewangan dan perakaunan berkaitan aset (termasuk aset wakaf), liabiliti, hasil dan belanja bagi institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia. Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam telah bermula pada tahun 2016. Pembangunan ini dibahagikan kepada empat (4) fasa iaitu Fasa 1 – Pembentangan Penyata Kewangan, Fasa 2 – Aset, Fasa 3 – Hasil, Belanja dan Liabiliti dan Fasa 4 – Pendedahan lain. Fasa 1 dan Fasa 2 telah selesai sepenuhnya pada 31 Disember 2022 manakala Fasa 3 dijangka dibentangkan untuk kelulusan pada 2 Mac 2023 dengan peratusan keseluruhan siap sebanyak 81%. Peratus keseluruhan siap bagi penggubalan Fasa 4 adalah sebanyak 44% dan dijangka selesai sepenuhnya pada Oktober 2023. PPIBZW digubal untuk diguna pakai oleh institusi yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf atau sumber Islam yang seumpamanya bagi tujuan penyediaan penyata kewangan.



PEMANTAPAN SUMBER MANUSIA


PEMBANGUNAN KAPASITI MODAL INSAN

Berdasarkan fungsi JANM iaitu menguruskan skim perkhidmatan perakaunan di bawah Ketua Perkhidmatan ANM, menguruskan perkhidmatan perakaunan kerajaan serta membangunkan modal insan dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam, kami telah merangka beberapa program pemantapan sumber manusia. Antara program pemantapan tersebut adalah seperti pengajian dalam badan profesional perakaunan dan kursus dalam usaha meningkatkan profesionalisme di kalangan akauntan lantikan JANM serta memiliki keupayaan individu berprestasi tinggi.

Inisiatif program pengajian dalam badan profesional perakaunan yang sedang dilaksanakan melibatkan badan profesional seperti berikut:

1. *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants* (MICPA);
2. *The Chartered Institute of Management Accountants* (CIMA);
3. *The Certified Practising Accountants Australia* (CPA Australia); dan
4. *The Association of Certified Chartered Accountants* (ACCA).

Secara keseluruhannya, 643 orang akauntan lantikan JANM dan 22 orang akauntan bukan lantikan JANM telah mengikuti program ini sejak dimulakan pada tahun 2012. Program ini telah membantu 325 orang akauntan sektor awam menamatkan pengajian dengan jayanya dan layak dipertimbangkan untuk memperoleh keahlian penuh dalam badan profesional perakaunan terbabit dengan 35 orang telah lulus penuh pengajian pada tahun 2022. Selain itu, seramai 13 orang pegawai JANM menjadi keahlian MICPA melalui *special pathway for MIA members* program.



*Program MICPA bermula pada tahun 2018

Bilangan Calon Lulus Penuh Mengikut Tahun

Kami juga telah menghantar seramai 177 orang peserta bagi menyertai Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2022 pada 8 hingga 9 Jun 2022 secara *virtual conference* yang bertemakan 'Leading (ESG), Charting Sustainability'. Persidangan ini telah dihadiri oleh lebih 2,200 delegasi termasuk delegasi jabatan ini. Persidangan MIA 2022 menyokong profesion akauntan untuk menerima pakai dan menyepadukan isu *Environmental, Social and Governance* (ESG) seperti perubahan iklim, pelaporan karbon dan kemampunan ke dalam agenda perniagaan, memanfaatkan teknologi dan alatan digital untuk ketangkasan, daya tahan serta perkaitan jangka panjang.

Pelbagai program dan kursus lain yang telah dilaksanakan adalah di bawah Program *Continuing Professional Development* (CPD) dalam usaha meningkatkan profesionalisme di kalangan akauntan lantikan JANM serta memiliki keupayaan individu berprestasi tinggi. Rangka program yang dibangunkan adalah berdasarkan *International Education Standard* (IES) oleh *International Federation of Accountants* (IFAC). IES yang berkaitan adalah IES 2 - kompetensi teknikal, IES 3 - kemahiran profesional seperti intelek, komunikasi interpersonal, keperibadian serta kemahiran organisasi dan IES 4 - nilai, etika dan sikap profesional.

Sepanjang tahun 2022 juga, seramai 17 orang pegawai JANM telah menghadiri lapan (8) kursus dan persidangan di luar negara dan 22 orang pegawai pula dihantar menghadiri sembilan (9) mesyuarat/lawatan/tugas rasmi luar negara. Penyertaan pegawai adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkenaan prosedur perakaunan dan kewangan negara luar yang berkaitan dengan tugas di samping dapat membangun potensi dan kepimpinan pegawai.

Seramai 35 pegawai JANM telah memperolehi pensijilan selaras IES 2 bagi *Information and Communications Technologies Proficiency* meliputi *Robotic Process Automation Fundamentals for Accounting & Professionals*, *ICAEW Data Analytics* dan *ACL Data Analytics*. JANM juga telah memberi pentauliahkan kepada 9 pegawai JANM bagi Pensijilan Piawai Perakaunan Sektor Awam selaras IES 2 bagi *Financial Accounting and Reporting Proficiency*.



Robotic Process Automation Fundamentals for Accounting & Finance Professionals (CIMA)



ACCA Certificate in International Public Sector Accounting Standards, CertIPSAS




ICAEW Analyst Pathway & ICAEW Management Pathway


PENGURUSAN PENGETAHUAN

JANM juga menitik beratkan pembudayaan pengurusan pengetahuan dalam memastikan warga jabatan sentiasa relevan dengan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan bagi membantu JANM mengekalkan prestasi dan berdaya saing melalui galakan pembudayaan pengurusan pengetahuan. Pembudayaan pengetahuan telah dilaksanakan melalui platform perkongsian aset pengetahuan JANM dalam portal pengurusan pengetahuan (iKNOWLEDGE), Portal Intranet JANM, portal iRAO bagi perkongsian maklumat operasi kepada semua Pejabat Perakaunan selain Portal Perakaunan Akruan. Pentauliahlan amalan pengurusan pengetahuan di JANM adalah seramai tujuh (7) orang pada tahun 2022 bagi pelaksanaan pengurusan pengetahuan di JANM. Penemuan pelaksanaan Bengkel Audit Pengetahuan JANM adalah seperti berikut:

A total of 2,025 knowledge assets were identified. It was determined that tacit knowledge (74%) is predominant in these divisions.



Jumlah Aset Tasit berbanding Eksplisit



JANM juga telah melaksanakan lawatan kerja di *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* dan *Malaysian Investment Development Authority* bagi perkongsian amalan terbaik pembangunan pengurusan pengetahuan.



Lawatan ke MIDF bagi Sistem yang Diguna Pakai bagi Pelaksanaan *Knowledge Management* (KM) Bersama Tuan Johnson Rudd a/l Sunny Rudd, Ketua Pegawai Eksekutif Mezzanine Financing, MIDF



Lawatan ke MIDA bagi Pelaksanaan *Knowledge Management* (KM) Bersama Puan Wan Noraini



Program Dialog Kepimpinan & Luncheon Bersama Tan Sri Abdul Wahid Omar



Dialog Bersama Tan Sri Rafidah Aziz (Anjuran MICPA)


MEMPERKASA NILAI IHSAN DI JANM

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT)


JANM menyelami penderitaan dan kesusahan masyarakat dan keluarga kami. Justeru itu, bagi memenuhi hasrat JANM dalam menjaga kebajikan warga kami, BERKAT telah ditubuhkan. Pertubuhan ini merupakan pertubuhan berdaftar di peringkat Kebangsaan. Matlamat penubuhan adalah bertujuan menjalankan aktiviti kebajikan kepada ahli-ahli. Sumbangan/bantuan BERKAT sepanjang tahun 2022 adalah meliputi perkara-perkara berikut:



JANM telah menguruskan pembayaran kebajikan pegawai melalui bantuan/sumbangan pada tahun 2022 seperti berikut:



Pecahan Permohonan, Kelulusan dan Bayaran Mengikut Kategori Bantuan Tahun 2022



Pecahan Bayaran Mengikut Kategori Bantuan/Sumbangan Tahun 2022

Sepanjang tahun 2022, kami telah melaksanakan beberapa program kemasyarakatan. Antaranya program di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang diuruskan oleh Kelab Sukan Akauntan Negara (KESAN) dan penyediaan bank makanan (*food bank*) di bawah kelolaan Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JHEAIN).

PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)

Kami telah menjalankan program CSR bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) pada 26 hingga 28 Ogos 2022 di Kampung Nelayan, Pulau Perhentian Kecil. Seramai 62 pegawai dari JANM, 10 pegawai dari BMMB dan 10 orang penduduk Kampung Nelayan yang terlibat dalam program ini. Tujuan program ini adalah untuk menyampaikan sumbangan dan bantuan kepada penduduk di perkampungan nelayan serta memberi peluang kepada ahli KESAN untuk melihat sendiri kehidupan dan budaya masyarakat perkampungan nelayan dengan lebih dekat.



Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi penyerahan sumbangan berbentuk wang tunai, barangan keperluan masjid (sejadah, telekung dan kain pelikat), barangan keperluan membersihkan masjid (mesin rumput, pencakar, penyapu dan lain-lain) kepada penduduk Kampung Nelayan serta program Ramah Mesra bersama penduduk Kampung Nelayan.



FOOD BANK JHEAIN

Kami telah menyediakan rak *food bank* yang akan diisi dengan barang keperluan asas setiap dua (2) minggu sekali bagi membantu golongan dalam keadaan memerlukan dan mendesak. Rak *food bank* ini disediakan berhampiran Musolla Al-Khawarizmi, Aras 6, Ibu Pejabat JANM Putrajaya. Antara barang-barang keperluan asas yang disumbangkan adalah seperti beras, tepung gandum, gula, biskut dan bahan makanan lain.



SOROTAN AKTIVITI



3 Januari 2022 – Program CSR KESAN di Pusat Pengajian Pondok Bustanul Arifin



5 Januari 2022 – Penyampaian Sumbangan Mangsa Banjir dari Kelab Perbendaharaan (MOF)



27 Januari 2022 – Eksplorasi Minda JANM Bil. 1/2022 : Pengubatan Islam



14 Februari 2022 – Perhimpunan Bulanan Bulan Februari 2022 Anjuran BPOPA



14 Februari 2022 – Lawatan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)



15 Februari 2022 – Pengauditan Pensijilan Semula EKSA oleh MAMPU



17 Februari 2022 – Eksplorasi Minda JANM Bil. 2/2022 : Semangat Yang Hilang



4 Mac 2022 – Forum Agama Anjuran PUSPANITA JANM – "Kehadiran Yang Dirindui : Ramadan Penyucian Rohani"



5 Mac 2022 – Kejohanan Golf AG vs EX-AG Edisi Kali Ke-19 Tahun 2022



19 - 21 Mac 2022 – Ekspedisi Climbing to Conquer Mount Kinabalu, Sabah



1 April 2022 – Majlis Ambang Ramadan Anjuran JHEAIN



13 April 2022 – Perhimpunan Bulanan Bulan April 2022 Anjuran BPAD



26 - 27 April 2022 – Kursus Design Thinking KIK JANM



18 - 19 Mei 2022 – Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke-30



30 Mei 2022 – Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri JANM



3 Jun 2022 – Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Akauntan Negara Malaysia



9 - 25 Jun 2022 – Sukan Antara Bahagian JANM



13 Jun 2022 – Sesi Knowledge Sharing : The Third Sector in Malaysia



21 Jun 2022 – Kursus Pengurusan Wasiat, Harta Pusaka dan Faraid Anjuran JHEAIN



13 - 14 Julai 2022 – Persidangan CIPFA Tahun 2022



16 Julai 2022 – Perlawanan Boling Persahabatan Anjuran BSN dan JANM



9 Ogos 2022 – Lawatan Penilaian Dekorasi Kemerdekaan



26 - 28 Ogos 2022 – Program Rekreasi dan CSR Bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)



7 - 8 September 2022 – Kursus Pengacaraan Majlis



19 September 2022 – Lawatan Akademik Kolej Profesional MARA Beranang



28 September 2022 – Lawatan Inovasi ke IKEA Damansara



1 Oktober 2022 – Kejohanan Tertutup Boling PSA & Bank Islam Tahun 2022



3 Oktober 2022 – Majlis Tandatangani Memorandum Persefahaman antara Bank Islam dan Persatuan Akauntan Sektor Awam



4 Oktober 2022 – Lawatan Inovasi ke Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)



6 Oktober 2022 – Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-33



6 Oktober 2022 – Sesi Ramah Mesra AJK PERPENA Sesi 2022-2024 Bersama Akauntan Negara Malaysia



8 Oktober 2022 – DR Simulation 2022



3 - 14 Oktober 2022 – Pengauditan Migrasi Data Baki Awal Aset Pusat Tanggungjawab di Malawakil Tokyo



12 Oktober 2022 – Seminar Automasi Proses Robotik (RPA)



2 - 4 November 2022 – Mesyuarat Pengarah JANM Negeri/Cawangan dan Ketua Akauntan (MPKA) Bil. 3 Tahun 2022 di Hotel Impiana KLCC, Kuala Lumpur



6 - 8 November 2022 – Kursus Pengurusan Tatatertib JANM



18 - 21 November 2022 – World Congress of Accountant (WCOA) di Mumbai



23 November 2022 – Perhimpunan Bulanan Bulan November 2022 Anjuran PPPA



29 November 2022 – Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA 2022



2 Disember 2022 – Majlis Penyerahan Sumbangan Komputer Terpakai kepada Sekolah



5 Disember 2022 – Lawatan ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



6 Disember 2022 – Majlis Pelancaran Buku Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2021



20 Disember 2022 – Webinar MPSAS 2022 : Akauntan Hari Ini





APPENDIX

GLOSARI

AAK	Anugerah Apresiasi Kecemerlangan	CUEPACS	<i>Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services</i>
ACCA	<i>The Association of Chartered Certified Accountants</i>	DAT	Dokumen Akaun Terimaan
ACL	<i>Audit Command Language</i>	DCAO	<i>Deputy Chief Automation Officer</i>
AI	<i>Artificial Intelligence</i>	EA	<i>Enterprise Architecture</i>
AICPA	<i>American Institute of Certified Public Accountants</i>	eGUMIS	<i>electronic Government Unclaimed Money Information System</i>
ANM	Akauntan Negara Malaysia	EKSA	Ekosistem Kondusif Sektor Awam
AP	Arahan Perbendaharaan	ESG	<i>Environmental, Social and Governance</i>
BA MOF	Bahagian Akaun Kementerian Kewangan	GPANM	Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia
BERKAT	Badan Kebajikan Perkhidmatan Perakaunan Akauntan Negara Malaysia	IBR	Ikrar Bebas Rasuah
BDA	<i>Big Data Analytics</i>	ICAEW	<i>Institute of Chartered Accountants in England and Wales</i>
BITAF	<i>Business IT Architecture Fundamental</i>	IES	<i>International Education Standard</i>
BKP	Bahagian Khidmat Perunding	IFAC	<i>International Federation of Accountants</i>
BPAD	Bahagian Pengurusan Audit Dalam	iGFMAS	Sistem Perakaunan Kewangan dan Pengurusan Kerajaan Bersepadu
BPOPA	Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi	INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
BPOPP	Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan	IPN	Institut Perakaunan Negara
BPPP	Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan	IPSAS	<i>International Public Sector Accounting Standards</i>
BPTM	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat	IPT	Institut Pengajian Tinggi
BWTD	Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut	IR	Pelaporan Bersepadu
BSP	<i>Bussiness Strategic Plan</i>	ISP	Pelan Strategik ICT
CAO	<i>Chief Automation Officer</i>	iSPEKS	Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri
CIMA	<i>Chartered Institute of Management Accountants</i>	ISMS	<i>Information Security Management System</i>
CIPFA	<i>Chartered Institute of Public Finance And Accountancy</i>	iSPLN	Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan
CPA	<i>Certified Public Accountant</i>	JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
CPD	<i>Continuing Professional Development</i>		
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat		

JAR	Jawatankuasa Anti Rasuah
JHEAIN	Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JI	Jawatankuasa Induk
JIPR	Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko
JK	Jawatankuasa
JKR	Jabatan Kerja Raya
JKSPKP	Jawatankuasa Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan
JP	Jawatankuasa Pelaksana
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPKA	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun
JPPR	Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko
KESAN	Kelab Sukan Akauntan Negara
KSP	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
LCA	<i>Liason Change Agent</i>
LPPKA	Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAMPU	<i>Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit</i>
MIA	<i>Malaysian Institute Of Accountants</i>
MICPA	<i>The Malaysian Institute of Certified Public Accountants</i>
MJKA	Mesyuarat Jawatankuasa Audit
MOF	Kementerian Kewangan
MPKA	Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan
MPSAS	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i>
OBB	<i>Outcome Based Budgeting</i>

PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PIDW	Pelan Induk <i>Digital Workspace</i>
PKKP	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
PKS	Polisi Keselamatan Siber
PMO	<i>Projek Management Officer</i>
PP	Pekeliling Perbendaharaan
PPIBZW	Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf
PPPA	Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan
PPK	Piawaian Perakaunan Kerajaan
PTJ	Pusat Tanggungjawab
PYA	<i>Prior Year Adjustment</i>
RPA	<i>Robotic Process Automation</i>
SAGA	<i>Standard Accounting System for Government Agencies</i>
SDG	Matlamat Pembangunan Lestari
SISPAA	Sistem Pengurusan Aduan Awam
SME	<i>Subject Matter Expert</i>
SPANM	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia
SPWTD	Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut
TAN	Timbalan Akauntan Negara
TBG	<i>Task Based Group</i>
TOGAF	<i>The Open Group Architecture Framework</i>
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UI	Unit Integriti
UNDP	<i>United Nations Development Programme</i>
UNGA	<i>United Nations General Assembly</i>
UUU	Unit Undang-undang
WTD	Wang Tak Dituntut

Epilog...

JANM telah melaksanakan Kajian Pembangunan Model serta Kerangka Bagi Analisis Data Raya dan Pelaporan Bersepadu yang dijalankan oleh perunding bermula November 2021 hingga Oktober 2022.


Sepanjang tempoh kajian ini, kami telah menganjurkan beberapa program yang terdiri daripada sesi libat urus, seminar, bengkel, mesyuarat serta lawatan penanda aras dengan kerjasama daripada semua Bahagian di JANM, wakil Kementerian dan agensi luar untuk mendapatkan input bagi membangunkan kerangka laporan bersepadu yang bersesuaian dengan persekitaran JANM khususnya dan sektor awam secara amnya.

Susulan daripada hasil kajian itu, JANM telah menyediakan Laporan Tahunan JANM 2022 yang buat pertama kalinya mengandungi elemen Pelaporan Bersepadu (IR) sebagai fasa percubaan dalam pelaksanaan IR di JANM. Perjalanan kami dalam merealisasikan projek ini dihimpunkan dalam ruangan epilog seperti di bawah.









Penghargaan

Pengerusi dan semua Ahli Jawatankuasa Laporan Tahunan 2022 Jabatan Akauntan Negara Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyumbangkan masa, idea dan tenaga dalam penerbitan Laporan Tahunan JANM 2022 ini.



- Penaung** : YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
Akauntan Negara Malaysia
- Pengerusi** : Puan Zainani binti Jusoh
Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
- Ahli Jawatankuasa** :
- Encik Ahmad Faizal bin Muhamed Ali (BA MOF)
 - Puan Noorzatulshina binti Mohammad Shuhaimi (BA MOF)
 - Encik Muhammad Ghazaly bin Ab Rahman (BA MOF)
 - Puan Nor Fariza binti Othman (BA MOF)
 - Puan Adlin Sabrina binti Razali (BA MOF)
 - Puan Nurul Amira binti Saiful Azmi (BA MOF)
 - Puan Lailatul Fadzillah binti Ideris (BPOPA)
 - Puan Azlinda binti Abdullah (BPOPA)
 - Puan Quratul Ainn Liyana binti Marzuki (BPOPA)
 - Cik Norfaezah binti Amad Bistomam (BPPP)
 - Puan Farhah binti Mohd Salleh (BPPP & BERKAT)
 - Puan Nurul Adha binti Md Daud (BPPP)
 - Puan Noor Shazreen binti Saleh (BPAD)
 - Puan Norhamizah binti Abdul Hamid (BPAD)
 - Puan Rohaiza binti Kosni (BKP)
 - Encik Wan Arman bin Wan Omar (BKP)
 - Puan Husna binti Hela Ladin (BWTD)
 - Puan Roziwaty binti Junaidi (BWTD)
 - Puan Anati Zawana binti Rahmat (BPOPP)
 - Puan Yusmaria binti Mohd Soludi (BPOPP)
 - Puan Siti Khatijah binti Samsudin (BPTM)
 - Puan Siti Maliana binti Rahim (BPTM)
 - Puan Rashidah binti Md. Rasib (PPPA)
 - Encik Lokman bin Latip (PPPA)
 - Puan Faizah binti Burhanuddin (IPN)
 - Puan Noor Samsinar binti Yusof (IPN)
 - Encik Ahmad Asraf bin Mohd Noor (IPN)
 - Encik Mohd Naszeri bin Jaiman (KESAN)
 - Puan Nur Aisyah Aleya binti Abdullah Peter Legi (JHEAIN)
- Editor** :
- Cik Saadiah binti Yaacob
 - Encik Zainuddin bin Manaf
 - Puan Azryda binti Mohd Akib
 - Puan Nur Fazlili binti Mohd Noor
 - Cik Auni Bahriah binti Mohammad Shobbri
 - Cik Hajar binti Abd Razak
 - Puan Nor Zafrina binti Zairuddin
 - Puan Zamzurina binti Zakari



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya.



Tel : 03 - 8882 1000



www.anm.gov.my

ISSN 1394-7184



9 771394 718000

Excellent Accounting @ Your Service